

3

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi dunia dijangka kukuh pada paras sederhana pada tahun 1994 setelah mengalami kelembapan selama tiga tahun sebelum ini ketika mana kadar pertumbuhan hanya antara 1% hingga 2% setahun. Pengeluaran dunia pada tahun 1994 dianggarkan meningkat sebanyak 3%, dan jumlah perdagangan dunia diramalkan berkembang hampir 7%. Memandangkan lebih kapasiti pengeluaran masih wujud di kebanyakan negara perindustrian, kemungkinan kadar inflasi akan meningkat semula dianggap kecil, walaupun mengambil kira peningkatan harga-harga komoditi baru-baru ini. Keadaan ekonomi dunia yang bertambah baik sejak awal tahun 1994 boleh dikaitkan dengan pelaksanaan dasar dan prestasi ekonomi yang menggalakkan di sebilangan negara-negara membangun, kemajuan dalam pengurusan ekonomi yang sedang berlaku di kalangan negara-negara dalam peralihan, kesedaran yang meningkat di kalangan negara-negara maju tentang perlunya pasaran buruh diperbetulkan dan kedudukan kewangan awam diperkukuh dan juga kejayaan yang dicapai di kebanyakan negara dalam menstabilkan harga. Prospek ekonomi dunia telah juga menjadi lebih terserlah berikutan kejayaan menamatkan rundingan perdagangan Pusingan Uruguay (UR) pada bulan Disember 1993 dan penerimaannya dari segi politik oleh negara-negara peserta pada bulan April 1994.

Mulai separuh kedua tahun 1994, pemulihan ekonomi akhirnya jelas bertapak di kebanyakan negara-negara di benua Eropah barat, sementara pertumbuhan positif di Australia, United Kingdom (UK) dan Kanada semakin kukuh. Di Amerika Syarikat (AS), pengembangan telah bermula sejak suku ketiga tahun 1993 sehinggakan pada pertengahan tahun 1994, penggunaan kapasiti pada paras tinggi telah dapat dicapai. Kebekuan

ekonomi yang berpanjangan di negara Jepun juga telah tamat dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ekonomi negara tersebut akan pulih semula pada akhir tahun 1994.

Seperti dalam tempoh tiga tahun yang lepas, satu aspek positif keadaan ekonomi dunia ialah prestasi yang memberangsangkan di negara-negara membangun, sungguhpun prestasi agregat yang kukuh ini menyelindungi perbezaan-perbezaan yang ketara antara mereka. Pertumbuhan di kebanyakan negara Asia Timur dan Amerika Latin dijangka terus kukuh sepanjang tahun 1994 berlatarbelakangkan penggunaan dan permintaan pelaburan yang semakin meningkat. Penguncupan pengeluaran yang dialami di Eropah Tengah dan negara-negara Baltik pada tahun-tahun awal reformasi pasaran dilancarkan telah tamat dan pertumbuhan ekonomi telah kembali semula di beberapa negara tersebut. Walaupun prospek ekonomi bertambah menggalakkan di beberapa negara Afrika disebabkan oleh harga-harga komoditi yang bertambah kukuh dan usaha reformasi makroekonomi yang berterusan, namun keadaan di benua tersebut terutama sekali di sub-Sahara dijangka akan terus berada dalam kesulitan. Selain itu, Rusia, Ukraine, Belarus dan negara-negara Transcaucasian serta negara-negara dalam peralihan di Asia Tengah kekal di luar liputan kumpulan negara membangun yang mengalami prestasi ekonomi yang menggalakkan.

Perdagangan Dunia

Selaras dengan pemulihan pertumbuhan ekonomi dunia, pengeluaran perkilangan yang semakin berasaskan antarabangsa serta dorongan hasil penyelesaian rundingan Pusingan Uruguay, perdagangan dunia diramalkan kukuh semula dalam tahun 1994, lantaran meningkat 6.8% (1993: 3.7%). Pemulihan ekonomi yang semakin menular

ke Eropah dan Jepun, kenaikan nilai mata wang yen dan deuschemark, kenaikan harga komoditi, permintaan import yang lebih kukuh di beberapa negara dalam peralihan, dinamisme ekonomi negara-negara Asia Timur dan Amerika Latin, kesemuanya akan mendorong kepada peningkatan perdagangan dunia. Sejajar dengan pemulihan ekonomi dunia yang lebih meluas, permintaan import akan juga berkembang.

Eksport negara-negara perindustrian diramalkan meningkat 5.4% (1993: 1.8%) sementara import juga dijangka bertambah sebanyak 6.6% pada tahun 1994 (1993: 1.2%). Kekukuhan aktiviti di AS dan pengembangan pemulihan di negara-negara Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (Organisation of Economic Cooperation and Development-OECD) akan merangsangkan permintaan import. Sungguhpun pertumbuhan import di Amerika Utara, khususnya AS, dijangka perlahan sedikit, kadar permintaan import di Jepun dijangka meningkat dengan ketara. Jumlah import oleh AS dijangka meningkat sebanyak 11.6% pada tahun 1994, kurang sedikit berbanding pencapaian sebanyak 12.6% pada tahun 1993. Beberapa buah negara membangun dijangka meraih faedah daripada permintaan yang terus kukuh dari AS, terutama negara-negara Asia Selatan dan Timur. Import Jepun juga dijangka meningkat pada tahun 1994 disebabkan terutamanya oleh kenaikan nilai matawang yen sungguhpun pemulihan di negara tersebut baru sahaja bermula. Sebaliknya, eksport Jepun diramalkan terus merosot pada kadar 0.7% pada tahun 1994 berbanding dengan kemerosotan pada kadar 1.1% pada tahun 1993, walaupun kadar pertumbuhan permintaan di pasaran-pasaran utama Jepun, iaitu AS dan Asia Timur adalah kukuh. Permintaan import daripada Kesatuan Eropah (European Union - EU) juga dijangka pulih pada tahun 1994 dengan kadar 4% setelah berkurangan sebanyak 5% pada tahun 1993, selaras dengan peningkatan ekonomi kesemua dua belas negara anggota kesatuan itu.

Perdagangan antara negara-negara membangun juga dijangka berkembang kukuh pada tahun 1994 disokong oleh liberalisasi perdagangan dan pengaliran serantau pelaburan asing langsung yang lebih tinggi. Perdagangan serantau yang menyumbang di antara 15% hingga 20% kepada perdagangan di kalangan negara-negara membangun khususnya di Asia Timur dan Amerika Latin, dijangka menjadi rangsangan yang penting kepada pertumbuhan perdagangan dunia.

Berbanding dengan pengalaman sebelum ini, faedah-faedah daripada peningkatan permintaan yang ketara bagi eksport negara-negara membangun pada tahun 1994 akan lebih sama rata, termasuklah memanfaatkan negara-negara di sub-Sahara, Afrika Utara, Timur Tengah dan Eropah Timur. Sungguhpun pertumbuhan import dan eksport negara-negara membangun sebagai kumpulan pada tahun 1994 diramalkan perlahan sedikit iaitu 7% (1993: 8%) dan 9% (1993: 10%), import ke negara-negara yang pesat membangun di Asia, terutama Asia Timur dijangka terus memberangsangkan. Di Amerika Latin, pengaliran modal yang tinggi, sungguhpun perlahan sedikit dari paras yang dicapai pada tempoh tahun 1992 - 93 serta pengembangan pengeluaran yang berterusan, dijangka menyebabkan paras import yang mampan pada 1994 sebanyak 7.3% (1993: 3.6%).

Kenaikan harga komoditi adalah merupakan satu faktor penting yang menyumbang ke arah prospek yang lebih baik untuk beberapa negara membangun. Sungguhpun harga-harga komoditi turun naik dengan ketara sepanjang tahun 1993, mulai pertengahan tahun 1994, harga pada keseluruhannya telah meningkat sebanyak satu pertiga berbanding dengan paras harga yang rendah setahun sebelumnya. Sungguhpun peningkatan permintaan daripada benua Eropah dan Amerika Utara merupakan faktor penting yang mempengaruhi peningkatan harga komoditi, tekanan ke atas harga juga disebabkan oleh kekangan penawaran. Selain itu, permintaan yang meningkat daripada Asia untuk beberapa jenis komoditi telah juga bertambah memandangkan negara-negara tersebut merupakan pengguna yang agak besar untuk bahan-bahan mentah. Walaupun pemulihan di negara-negara perindustrian yang lebih meluas dijangka menjadikan harga komoditi bertambah baik, harga-harga komoditi masih tidak menentu dan tertakluk kepada keadaan cuaca dan simpanan stok.

Aliran modal

Aliran pelaburan asing langsung dunia berjumlah AS\$185 bilion pada tahun 1993, iaitu meningkat daripada AS\$171 bilion pada tahun 1992. Jumlah ini, walau bagaimanapun, jauh lebih kecil daripada paras tertinggi yang dicapai pada tahun 1990 sebanyak AS\$232 bilion. Negara-negara membangun menerima aliran bon dan ekuiti berjumlah AS\$71 bilion (1992: AS\$33 bilion),

sementara pelaburan asing langsung bersih berjumlah AS\$59.3 bilion, iaitu sekali ganda jika dibandingkan dengan paras tahun 1991 dan jauh lebih besar daripada jumlah yang dicatatkan pada tahun 1992 sebanyak AS\$39.9 bilion. Negara China muncul sebagai penerima terbesar di kalangan negara membangun dengan jumlah sebanyak AS\$20 bilion. Selaras dengan pertumbuhan semula di negara-negara maju, aliran kemasukan ke negara-negara tersebut dianggarkan meningkat kepada AS\$109 bilion pada tahun 1993. Aliran pelaburan asing langsung ke AS pulih semula mulai tahun 1993 sehingga mencapai hampir AS\$32 bilion daripada sebanyak AS\$3.4 bilion pada tahun 1992. Pengaliran ke Eropah Barat terus mampan, sungguhpun suasana ekonomi lembap kerana syarikat-syarikat Eropah menyesuaikan dan menstruktur semula bagi mengambil kira perubahan-perubahan dalam pasaran Eropah berikutan pelaksanaan Pasaran Tunggal, pembesaran EU dengan kemasukan empat negara sebagai ahli baru serta pengaliran perdagangan yang lebih bebas antara EU dan beberapa negara Eropah Tengah dan Timur.

Peningkatan aliran modal - pelaburan asing langsung, aliran masuk jangka pendek, pelaburan portfolio jangka panjang dan ekuiti - pada tahun 1993 ke negara-negara membangun, sebahagian besarnya disebabkan oleh penyesuaian-penyesuaian dasar dan kejayaan usaha-usaha kestabilan di beberapa negara membangun yang membawa kepada pasaran dalam negeri yang meningkat, kemajuan dalam kos pengeluaran serta produktiviti yang tinggi. Aliran masuk ini juga didorong oleh kelembapan aktiviti di negara-negara perindustrian lanjutan itu kelemahan permintaan dana serta penurunan kadar faedah. Pada tahun 1993, keadaan yang bertambah baik di negara-negara pengeksport utama modal di dunia, termasuk AS, serta tarikan pasaran di negara-negara membangun merupakan antara sebab-sebab aliran modal melebihi AS\$130 bilion.

Namun demikian, walaupun jumlah aliran modal ke negara-negara membangun meningkat dengan ketara pada tahun 1993, sebahagian besar daripada aliran ini terus tertumpu di sebilangan kecil negara berpendapatan sederhana di Asia dan Amerika Latin. Beberapa negara berpendapatan rendah yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik dan yang dapat menawarkan pasaran besar terutamanya China dan India, telah juga berjaya menarik pelaburan asing langsung. Antara tahun 1991-93, beberapa

negara Asia dan Amerika Latin yang tertentu telah menerima sebahagian besar pelaburan portfolio dan pelaburan asing langsung yang dianggarkan berjumlah AS\$66 bilion, iaitu separuh daripada jumlah keseluruhan aliran ke negara-negara membangun. Pengaliran serantau pelaburan asing langsung oleh pemastautin-pemastautin Hong Kong dan Taiwan memperlihatkan peningkatan yang ketara dalam tempoh yang sama. Jumlah pelaburan portfolio juga besar dan pada tempoh 1991-93 purata aliran masuk melebihi AS\$110 bilion setahun sementara purata aliran ke luar melebihi AS\$3 bilion setahun.

Negara China muncul sebagai penerima terbesar pelaburan asing langsung, iaitu lebih 40% daripada jumlah aliran masuk ke Asia. Malaysia dan Singapura juga merupakan penerima terbesar pelaburan asing langsung tetapi jumlah yang diterima adalah kurang daripada separuh jumlah yang diterima oleh China. Bagi Malaysia, jumlah aliran pelaburan langsung asing ini merupakan peningkatan yang besar, sementara untuk Singapura, jumlah ini merupakan aliran masuk yang mantap. Dalam jangka masa yang sama, jumlah pelaburan langsung asing yang diterima oleh negara Thai dan Indonesia juga agak besar.

Mexico, Argentina dan Chile telah menerima jumlah pelaburan asing langsung yang besar, melebihi AS\$12 bilion setahun antara tahun 1991-93. Pada tahun 1992, semasa kemuncak perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Mexico terutamanya telah menikmati peningkatan pelaburan asing langsung. Ini adalah kerana pelabur-pelabur sedar akan peluang-peluang yang baru dengan pengwujudan ruang ekonomi yang lebih luas. Di Amerika Latin, aliran masuk dalam bentuk bon swasta dan pembiayaan ekuiti telah juga berperanan penting dan mencerminkan struktur pasaran modal yang berubah di negara-negara tersebut. Purata aliran masuk pelaburan portfolio di Amerika Latin berjumlah AS\$25 bilion setahun, sementara purata aliran ke luar sebanyak AS\$7 bilion setahun dalam jangka masa yang sama.

Aliran masuk pelaburan asing langsung ke ekonomi-ekonomi dalam peralihan di Eropah Tengah dan Eropah Timur telah juga meningkat dengan ketara dalam tempoh 1991-93, dan merupakan 10% daripada jumlah aliran masuk pelaburan asing langsung ke negara-negara membangun. Walau bagaimanapun, kebanyakan negara Afrika kurang berjaya menarik pelaburan

asing langsung mencerminkan prospek pertumbuhan yang lembap serta ketidakstabilan politik dan makroekonomi di kawasan berkenaan. Jumlah aliran tahunan pelaburan asing langsung ke Afrika tidak mengalami perubahan yang besar dalam tempoh 1991-93, di mana kebanyakan daripada modal ini mengalir ke Nigeria, Tunisia dan Morocco.

Beberapa faktor luaran dan dalaman telah menyebabkan pemusatan aliran masuk modal ke negara-negara tertentu sahaja di Asia dan Amerika Latin. Kelembapan putaran aktiviti ekonomi dan penurunan kadar faedah di negara-negara perindustrian terbesar semasa kemelesetan selama tiga tahun yang lepas memainkan peranan utama dalam meningkatkan aliran modal secara mendadak ke negara-negara tersebut. Walaupun demikian, aliran terbaru ini mencerminkan perkembangan jangka panjang ke arah globalisasi serta dasar mempelbagaikan pelaburan asing negara perindustrian. Faktor lain yang penting ialah kelonggaran dasar kewangan di negara-negara perindustrian dan negara-negara membangun. Ini telah meningkatkan persaingan di pasaran-pasaran kewangan serta mempermudah pergerakan modal antarabangsa.

Walaupun perkembangan sektor luaran memainkan peranan penting dalam menarik aliran masuk modal ke negara-negara di Asia dan Amerika Latin, faktor-faktor dalam negeri juga penting. Negara-negara tersebut telah memantapkan usaha-usaha ke arah mencapai kestabilan makroekonomi, reformasi struktur dan dasar-dasar perdagangan yang terbuka. Keadaan penawaran telah bertambah baik berikutan proses melonggarkan peraturan-peraturan dalam sektor kewangan dan meliberalisasi kawalan aliran keluar masuk modal, penswastaan serta reformasi cukai. Dengan ini, potensi keuntungan pelaburan jangka panjang bertambah menarik. Di beberapa negara, termasuk Argentina, Chile, Malaysia, Mexico dan Filipina, rancangan penswastaan telah merangsangkan aliran masuk modal.

Pada tahun 1994, aliran masuk modal ke negara-negara membangun diramalkan terus positif. Walaupun pemulihan ekonomi di negara-negara maju akan menarik semula pelaburan asing langsung, kadar tabungan yang lebih baik di negara-negara perindustrian dan keyakinan yang

bertambah serta pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di negara-negara membangun menunjukkan bahawa aliran pelaburan asing langsung boleh dikekalkan pada paras semasa. Pengaruh-pengaruh yang positif ini dijangka dapat mengatasi kesan kenaikan kadar faedah jangka pendek, kebimbangan berkaitan dengan kadar faedah jangka panjang dan kecenderungan mengurangkan pembahagian portfolio di pasaran-pasaran baru disebabkan pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian.

Kemajuan dalam Usahasama Perdagangan dan Ekonomi

Pada bulan April 1994, penerimaan Akta Akhir Pusingan Uruguay dan perjanjian penubuhan Organisasi Perdagangan Dunia (World Trade Organisation -WTO) merupakan peristiwa yang penting dalam sejarah perdagangan dunia. Persidangan di Marrakesh merupakan langkah penting ke arah sistem perdagangan antarabangsa yang dijangka meningkatkan perdagangan dunia, lantaran itu menambah peluang-peluang baru untuk pelaburan dan pekerjaan. Perjanjian-perjanjian itu akan memajukan prospek liberalisasi perdagangan, mengembang dan mengukuhkan peraturan-peraturan berbagai hala dan disiplin yang mengawalselia perdagangan antarabangsa. Kesemua ini menjanjikan pertumbuhan tanpa inflasi selaras dengan objektif pembangunan dunia yang mampan.

Sehingga bulan Oktober 1994, negara-negara utama belum lagi mengesahkan Perjanjian UR. Hanya 27 daripada 125 negara-negara ahli GATT telah mengesahkan perjanjian tersebut. Di AS, proses pengesahan di dalam Kongres nampaknya menunjuk kemajuan sementara pengesahan di EU tergendala disebabkan Suruhanjaya Eropah tidak pasti sama ada perjanjian-perjanjian tersebut perlu dibentangkan di Parlimen Eropah ataupun negara-negara ahli perlu mengambil tindakan perundangan di peringkat kebangsaan. Di 50 buah negara yang lain, proses-proses pentadbiran dan/atau perlembagaan ke arah pengesahan perjanjian tersebut adalah positif. Sekurang-kurangnya 75% daripada negara-negara yang mengambil bahagian dalam UR perlu mengesahkan penerimaan Akta Terakhir dan WTO sebelum akhir tahun 1994 bagi membolehkan perjanjian UR dan WTO mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1995.

RENCANA 1

Pasca Pusingan Uruguay: Peluang, Cabaran Dan Agenda Masa Depan Bagi Negara-negara Membangun

I. Penilaian Faedah-faedah dan Peluang-peluang Dari Pusingan Uruguay

Pencapaian keseluruhan

Selesainya rundingan Pusingan Uruguay menjanjikan berakhirnya penggunaan perjanjian-perjanjian menghadkan eskport secara "sukarela", mengurangkan penggunaan subsidi pertanian dan memperjelaskan peraturan anti-lambakan yang kesemuanya telah membebaskan para pengeksport negara-negara membangun. Tarif ke atas produk perkilangan telah dikurang dan dihapuskan dalam banyak sektor di mana negara-negara membangun mempunyai potensi eksport atau kepentingan semasa, sementara disiplin-disiplin berbentuk GATT telah dipanjangkan kepada bidang-bidang baru seperti perkhidmatan, harta benda intelektual dan pelaburan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar faedah konkrit dari Pusingan Uruguay akan hanya diperolehi dalam jangka masa sederhana dan panjang, memandangkan reformasi pembukaan pasaran akan dilaksanakan secara beransur-ansur, antara tempoh 5 hingga 10 tahun mulai pertengahan tahun 1995.

Hasil yang terpenting daripada Perjanjian Pusingan Uruguay, walau bagaimanapun, tidak dapat dihitung secara kuantitatif: mengembalikan kepada sistem perdagangan berbilang hala yang boleh diramalkan serta berdisiplin dengan memberhentikan kekeruhan suasana perdagangan disebabkan aliran perlindungan yang semakin kerap berlaku semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Kegagalan mencapai sesuatu persetujuan di rundingan itu mungkin merosotkan secara serius perhubungan perdagangan antara negara-negara perdagangan dan dengan itu melengahkan lagi pemulihan ekonomi dunia.

Dalam jangka panjang pula, ekonomi dunia dijangka meraih faedah statik dan dinamik hasil daripada reformasi Pusingan Uruguay. Faedah statik dari komitmen pembukaan pasaran merupakan pertambahan sebanyak 1% dalam pendapatan dunia bagi 10 tahun akan datang, dengan jangkaan faedah antara AS\$214 bilion

hingga AS\$224 bilion setahun (berdasarkan nilai dollar pada tahun 1992). Negara-negara membangun dijangka memperolehi satu pertiga daripada faedah ini.

Lebih penting adalah faedah dinamik, sungguhpun faedah seperti ini lebih sukar untuk diukur. Ini merupakan faedah yang dihasilkan daripada "externalities" berikutan persaingan yang bertambah, ekonomi luas bidangan, pertambahan inovasi, keuntungan teknologikal dan kesan positif dari pertumbuhan produktiviti ke atas pelaburan dan tabungan. Peraturan perdagangan yang lebih baik serta kukuh dan penguatkuasaannya oleh Organisasi Perdagangan Dunia (World Trade Organisation-WTO) dijangka menghasilkan kestabilan dasar. Kesemua negara akan meraih faedah, dan faedah terbesar akan dinikmati oleh negara-negara membangun yang mengeksport barang-barang perkilangan.

Faedah untuk negara-negara perindustrian

Di kalangan *negara perindustrian*, faedah kepada Kesatuan Eropah dianggarkan antara AS\$61 bilion dan AS\$98 bilion, bagi Kawasan Perdagangan Bebas Eropah (European Free Trade Area) atau EFTA dijangka mendapat faedah di antara AS\$17 bilion hingga AS\$39 bilion, sementara negara Jepun dikatakan mungkin menerima faedah bernilai di antara AS\$27 bilion hingga AS\$42 bilion. Nilai faedah kepada Amerika Syarikat (AS) pula dijangka berjumlah antara AS\$28 bilion hingga AS\$67 bilion.

Faedah dan kerugian bagi negara-negara membangun

Negara-negara membangun sebagai satu kumpulan diramalkan mendapat bahagian faedah sebanyak AS\$78 bilion (berdasarkan nilai dollar 1992). Pengurangan tarif dan halangan-halangan bukan-tarif akan memanfaatkan pengeluaran-pengeluaran yang cekap di negara-negara membangun terutamanya pengeluaran pakaian, tekstil, keluaran pertanian dan makanan yang diproses berbanding dengan negara-negara yang terus bergantung kepada skim-skim keistimewaan atau kuota untuk pasaran. Tambahan pula, beberapa negara pengimport makanan mungkin mengalami kerugian disebabkan kenaikan harga hasil pertanian dan penarikan balik skim keutamaan dengan wujudnya liberalisasi pasaran. Sesungguhnya, faedah terendah hasil pertumbuhan dagangan dunia dijangka dialami oleh pengeluaran komoditi.

Negara-negara Asia Timur yang sedang rancak membangun dijangka memperoleh faedah yang tertinggi berikutan pengurangan sekatan dagangan ke atas produk di negara-negara maju dan membangun, kerana negara-negara Asia Timur mempunyai struktur produk yang pelbagai dan jumlah perdagangan yang besar dalam ekonomi mereka. Beberapa negara di Asia Selatan dan Timur juga dijangka meraih faedah dalam tempoh sederhana hasil daripada liberalisasi perdagangan tekstil dan pakaian. Di Amerika Latin, pengeluaran-pengeluaran pertanian dan keluaran berasaskan sumber dijangka mendapat peluang pasaran. Keyakinan yang bertambah bahawa pasaran akan lebih terbuka adalah penting untuk pertumbuhan eksport dari Eropah Timur dan Tengah.

Sebaliknya, beberapa keistimewaan yang akan dimansuhkan dijangka merugikan beberapa negara, terutamanya di Afrika Sub-Sahara dan di Afrika Utara. Tidak dapat tiada, negara-negara ini akan mengalami kos peralihan yang tinggi. Tambahan lagi, pengurangan subsidi pertanian bermakna harga makanan yang lebih tinggi dan ini akan memburukkan lagi kadar syarat perdagangan negara-negara pengimport makanan di Afrika Utara, Timur Tengah, Eropah Timur dan Asia Tengah.

II. Persekitaran Global Yang Baru

Pada tahun-tahun 1980-an, hubungan perdagangan antara negara-negara maju dan membangun telah melalui suatu perubahan yang bermakna. Pertama, aliran perdagangan antara negara-negara maju dan membangun beralih dari perdagangan barangan mentah kepada barang perkilangan, di mana dagangan produk perkilangan dikuasai oleh pengkhususan intra-industri, ekonomi luas bidangan, perbezaan produk dan dagangan intra-firma yang ketara. Ini semuanya membuktikan peningkatan pergantungan antara satu dengan lain dalam perdagangan antarabangsa. Kedua, disebabkan rangsangan faktor-faktor dalaman dan tekanan yang berterusan daripada negara-negara perindustrian, negara-negara membangun telah melonggarkan sistem dagangan mereka seperti yang dapat dilihat dari kesediaan negara-negara membangun semenjak beberapa tahun kebelakangan ini untuk merapatkan ekonomi mereka dalam sistem GATT. Pada kebiasaannya, liberalisasi ini dijalankan tanpa memperoleh sebarang konsesi dari rakan dagangan negara maju (mahupun dari negara-negara membangun

yang lain). Pada masa negara-negara membangun bertambah komited kepada konsep berbilang hala, di kalangan negara-negara maju yang utama terdapat seolah-olah pengunduran daripada prinsip-prinsip sistem berasaskan peraturan berbilang hala. Ini jelas kelihatan dalam sikap dasar-dasar perdagangan mereka yang terumbang-ambing dan secara *de facto* membelakangkan peraturan-peraturan GATT.

Dasar perdagangan negara-negara maju yang tidak menentu itu melemahkan dasar liberalisasi negara-negara membangun menyebabkan sukar bagi sesetengah negara-negara membangun untuk mengekal atau mencapai pertumbuhan berorientasi luar. Sesungguhnya, dengan bertambah luasnya perdagangan secara terurus, peraturan-peraturan perdagangan serantau dan sekatan bukan-tarif atau langkah-langkah dalam perkara-perkara yang kurang jelas, menjadikan hasil liberalisasi yang diperolehi melalui tujuh pusingan GATT sebelum ini hampir tidak bernilai.

Trend ketiga pada tahun-tahun 1980-an adalah kegiatan proses globalisasi. Dengan pertumbuhan ketara perdagangan intra-firma (yang menyumbang sebanyak sepertiga perdagangan dunia pada tahun 1992) dan bentuk yang lebih kompleks untuk menembusi pasaran, negara-negara membangun, khususnya yang telah mencapai tahap perindustrian yang maju, telah menghadapi tekanan supaya membatalkan dasar perdagangan dan perindustrian yang berpandukan budi bicara masing-masing. Sebaliknya, negara-negara membangun digesa supaya menerima peraturan-peraturan baru dalam bidang-bidang yang sebelum ini tidak termasuk dalam rundingan berbilang hala. Disiplin-disiplin berbilang hala yang dihasilkan dari Pusingan Uruguay sudah tentu mengurangkan kebolehan negara-negara membangun untuk mempertimbangkan beberapa pilihan dasar bagi menambah daya saingan eksport mereka mahupun bagi mencapai matlamat-matlamat pembangunan.

Ketika dunia menghampiri ambang dekad terakhir abad kedua puluh, dan memandangkan pertumbuhan yang pesat di kalangan beberapa negara membangun, adalah dijangka pasaran di negara-negara ini, terutamanya di Asia Selatan dan Timur akan menjadi lebih penting kepada negara-negara perindustrian. Dengan alasan tersebut terdapat desakan supaya negara-negara ini memikul tanggungjawab yang lebih dalam sistem berbilang hala. Meningkatnya globalisasi perdagangan, kewangan dan pelaburan membawa faedah kepada ekonomi negara-negara

membangun, juga mempunyai kesan membawa rahmat sampingan yang lain seperti yang telah disedari oleh negara-negara berkenaan dalam tahun 1980-an. Oleh yang demikian, sejauh mana negara-negara membangun dapat meneruskan dasar-dasar dalam negeri supaya dapat menyalurkan kesan positif proses globalisasi, akan menjadi salah satu butiran yang penting dalam rundingan perdagangan di masa depan.

Dalam tahun-tahun terakhir 1990-an dengan penyelesaian Pusingan Uruguay, sistem perdagangan dan kewangan antarabangsa akan terus menghadapi cabaran daripada sistem plurilateral yang formal dan yang tidak formal, termasuk desakan berterusan langkah-langkah perdagangan GATT/WTO yang konsisten serta peningkatan peraturan perdagangan serantau. Dalam konteks ini, keputusan Pusingan Uruguay merupakan hanya satu-satunya elemen yang diperlukan bagi menentukan pertumbuhan ekonomi dunia yang berterusan.

III. Cabaran dan isu

Institusi Antarabangsa

Perhubungan antara WTO, Kumpulan Wang Antarabangsa (International Monetary Fund-IMF) dan Bank Dunia masih belum ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda bahawa ketiga-tiga badan ini bercadang untuk bergerak secara selaras dan bersefahaman bagi memastikan kerjasama yang lebih berkesan dalam menghadapi interaksi antara dasar-dasar perdagangan, ekonomi dan kewangan. Globalisasi aktiviti-aktiviti ekonomi dikatakan memerlukan penyelarasan dasar-dasar supaya lebih berkesan, dan dengan itu, ketiga-tiga institusi global ini haruslah menanggung peranan yang lebih besar sebagai pengurus sistem ekonomi antarabangsa.

Akhir-akhir ini, terdapat perdebatan mengenai keperluan pembangunan negara-negara membangun dan trend untuk memusatkan penggubalan dasar seperti yang dimaksudkan dalam kerangka kerjasama ketiga-tiga institusi-institusi berkenaan. Negara-negara membangun khuatir bahawa dalam perbincangan untuk memberi mandat yang bersesuaian kepada WTO, IMF dan Bank Dunia, akan terdapat kemungkinan untuk mewujudkan pengawasan yang lebih rapi dan menyeluruh keatas setiap dasar dan institusi domestik bagi mengukur kesannya ke atas perdagangan, kewangan dan ekonomi.

Kemungkinan untuk mencapai kesepakatan dalam menggubal dasar ekonomi dunia akan membolehkan ketiga-tiga institusi ini mengenakan syarat-syarat yang saling bertindih. Negara-negara membangun telah lama menyuarakan kekhawatiran mereka bahawa pengawasan keatas negara-negara perindustrian oleh institusi-institusi Bretton Woods adalah lemah. Negara-negara membangun ingin memastikan supaya institusi-institusi antarabangsa berkenaan terus peka kepada keperluan pembangunan kesemua ahli. Sebagai permulaan, proses membuat keputusan di institusi-institusi tersebut harus disertai sepenuhnya oleh negara-negara membangun, dengan memainkan peranan yang sepadan dengan kepentingan ekonomi mereka. Dalam menjalankan mandatnya, WTO, IMF dan Bank Dunia harus mengasingkan kajian yang bertujuan memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan di peringkat berbilang hala daripada kajian yang bertujuan memudahkan pencapaian objektif-objektif pihak tertentu. Oleh itu, struktur dan bidang-bidang kuasa institusi Bretton Woods memerlukan penyesuaian semula pada masa yang sama WTO sedang ditubuhkan untuk memulakan operasinya pada awal 1995.

Perserantauan

Semasa rundingan Pusingan Uruguay diadakan, perjanjian-perjanjian perdagangan utama yang lain juga dirundingkan di Eropah dan di Amerika Utara. Perdagangan di antara mereka telahpun mencapai tahap yang tinggi dan hasrat mereka untuk mengadakan suatu peraturan yang lebih meluas dan mendalam didorong oleh tanggapan bahawa GATT telah menjadi suatu sistem yang lemah dan kurang berupaya untuk mengawalselia hubungan perdagangan antara negara-negara yang telah mencapai integrasi ekonomi yang tinggi. Sementara peraturan perserantauan tidak sahaja terhad kepada negara-negara maju, satu aspek perserantauan yang membimbangkan negara-negara membangun adalah berhubung dengan saluran pasaran yang diberi secara terpilih. Selepas Rundingan Pusingan Uruguay pun, sesetengah kumpulan serantau ini masih mengekalkan sekatan tarif yang tinggi ke atas import dari negara-negara membangun. Di tambah dengan keperluan seperti "rules of origin" yang ketat, penyimpangan aliran perdagangan barangan, perkhidmatan dan pelaburan mungkin berlaku, dan ini merupakan isu-isu yang terus mendapat perhatian negara-negara membangun. Dalam konteks GATT, proses integrasi ekonomi serantau merupakan penggalakan dan pengwujudan peluang-peluang

dalam perdagangan dan pelaburan. Kesemua ini bertujuan menyokong proses berbilang hala. Dalam konteks dunia terkini, walau bagaimanapun, strategi-strategi perlindungan serantau menjadi lebih menarik di mana akhir-akhir ini untuk dijadikan alat dalam rundingan-rundingan lain, termasuklah rundingan Pusingan Uruguay.

Dengan pasaran yang kecil, kadar pertumbuhan eksport dan permintaan pelaburan yang dijangka tinggi, keperluan sesebuah negara membangun bagi mendapatkan tempat di pasaran dunia dijangka akan meningkat. Salah satu faktor yang merangsangkan negara-negara kecil untuk menerima pendekatan perserantauan adalah berpandukan anggapan bahawa perjanjian seumpama itu, bukan GATT, dapat memberi lebih jaminan pasaran. Sungguhpun begitu, negara-negara membangun telah tidak mengenyepikan konsep berbilang hala kerana pelaksanaan strategi pembangunan yang berorientasi eksport memerlukan sistem perdagangan antarabangsa yang cergas. Negara-negara membangun nampaknya sepakat bahawa "perserantauan terbuka" adalah merupakan satu forum untuk memperluas serta mengukuhkan penglibatan mereka dalam rundingan perdagangan dunia di masa hadapan.

Persaingan

Sebelum dan semasa perundingan Pusingan Uruguay, perdagangan dan langkah-langkah yang bersangkutan seperti subsidi, kesediaan menyekat eksport, peraturan pasaran dan perundangan yang mempunyai kesan ke atas persaingan dan cara mana peraturan-peraturan ini dikuatkuasakan dirundingkan secara intensif. Pada pusingan terakhir perbincangan-perbincangan tersebut, kebanyakan peraturan telah diperbaiki tetapi peranan subsidi dalam beberapa bidang, termasuk perkhidmatan dan teknologi tinggi telah diperkembangkan.

Perkara ini mempunyai implikasi yang penting kepada kerajaan-kerajaan, kerana di akhir-akhir ini, tumpuan dasar perdagangan di kebanyakan negara telah beralih ke sektor-sektor baru, antaranya teknologi tinggi, di mana corak perdagangan masih belum ditentukan lagi. Kebanyakan kerajaan melaksanakan dasar-dasar perindustrian untuk memberi sokongan dan panduan kepada firma-firma bagi meningkatkan keupayaan mereka bersaing diperingkat antarabangsa, kerana tandingan kepada firma bukan sahaja wujud secara semula jadi atau disebabkan lokasi-lokasi tertentu.

Dasar "sasaran perindustrian" yang digunapakai dalam berbagai bentuk merupakan satu bidang yang akan dibincang di rundingan perdagangan akan datang. Apabila firma-firma di negara membangun berjaya memperbaiki keupayaan penawaran mereka, sebarang bentuk bantuan kerajaan yang dikatakan mempunyai kesan ke atas daya saingan, termasuklah pengeluaran, pelaburan, dan penyelidikan dan subsidi pembangunan akan dipertikai serta menjadi bahan untuk diteliti.

Sememangnya ada merit supaya diadakan mekanisme yang lebih baik bagi mengawal langkah-langkah yang mempunyai kesan ke atas persaingan kerana amalan perniagaan yang tidak sihat seperti kartel eksport dan penyisihan pasaran boleh menghakis sebarang faedah liberalisasi perdagangan yang dicapai melalui Pusingan Uruguay. Negara-negara membangun mahukan titik pertemuan rundingan antara dasar perdagangan dan persaingan dicapai melalui kesepakatan, bukan semata-mata melalui rundingan-rundingan tentang hak asasi mereka untuk mengenalpasti, mencipta dan memperolehi faedah bandingan bagi firma-firma mereka.

Kepiawaian dan keharmonian

GATT, seperti mana ia wujud sehingga Pusingan Uruguay, diasaskan kepada pemahaman bahawa perbezaan yang wujud di antara negara-negara adalah terlalu luas dan banyak, menyebabkan kriteria untuk keharmonian tidak akan dapat dipersetujui secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya globalisasi dan berbagai bentuk ekonomi yang lebih kompleks bagi menembusi pasaran, beberapa masalah bersangkutan dengan peraturan dan amalan yang berbeza yang mempunyai kesan ke atas suasana perniagaan bagi firma-firma, kian menjadi punca pertikaian di kalangan negara-negara perdagangan.

Reaksi dari negara-negara maju ialah untuk merundingkan integrasi yang lebih mendalam. Pintu perdagangan akan digunakan untuk membangkitkan soal-soal perundangan, institusi dan amalan kerajaan yang lain yang kadangkala dilebel sebagai "sekatan struktural kepada pembukaan pasaran" atau "kepincangan perdagangan". Di peringkat serantau dan antarabangsa, tekanan-tekanan supaya menerima peraturan-peraturan baru yang bertujuan mengharmonikan perundangan, piawaian dan amalan-amalan yang berbeza-beza semakin ketara sekali.

Tuntutan supaya mengharmonikan struktur ekonomi dalam bidang-bidang seperti hak pekerja, dasar alam sekitar, kesan kadar tabungan, malahan kos tanah dan tabiat membeli-belah, semacam menyatakan bahawa kesemuanya mempunyai kesan ke atas perdagangan dan oleh itu hendaklah diteliti di peringkat antarabangsa. Trend seumpama ini tidak sahaja membawa risiko kepada sistem berbilang hala, tetapi juga kepada negara-negara membangun.

Negara-negara membangun akan menghadapi desakan supaya menerima peraturan-peraturan yang akan menyelaraskan dasar-dasar, piawaian dan amalan-amalan institusi mereka dengan rakan-rakan perdagangan. Ini membawa implikasi bahawa autonomi sesebuah negara boleh dijejaskan seperti yang dapat diperhatikan dalam rundingan untuk menubuhkan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (North American Free Trade Area - NAFTA) dan Kesatuan Ekonomi, Kewangan dan Politik Eropah.

Alam Sekitar

Pada prinsipnya, suatu sistem perdagangan antarabangsa yang terbuka tidak semestinya bertentangan dengan penggunaan sumber secara mampan ataupun objektif alam sekitar yang lain. Adalah juga benar bahawa barangan dan perkhidmatan yang diperdagangkan biasanya tidak mengambilkira kos kesan alam sekitar, sama ada dalam pengeluaran, penggunaan, mahupun pembuangan. Walau bagaimanapun, bagi negara-negara membangun, langkah-langkah perdagangan bukanlah merupakan instrumen yang paling baik untuk mencapai matlamat melindungi alam sekitar kerana langkah-langkah seumpama itu boleh membawa kepada sekatan-sekatan global.

Selain itu, negara-negara membangun juga bimbang bahawa perbezaan-perbezaan dalam memberi keutamaan berkaitan dengan kualiti alam sekitar di antara masyarakat mungkin akan tidak diambilkira sepenuhnya, bahawa pertimbangan kos mempengaruhi keutamaan-keutamaan tersebut dan bahawa langkah-langkah perdagangan akan disalahgunakan untuk menguatkuasakan sesuatu yang ditetapkan oleh sesebuah negara. Kekhuatiran ini berlandaskan kemungkinan bahawa keperluan melindungi alam sekitar sebenarnya boleh digunakan sebagai dalih untuk mengenakan sekatan perdagangan.

Cabaran bagi semua negara ialah untuk menggubal dasar yang berlandaskan perdagangan bebas yang bertujuan memaksimumkan pertumbuhan yang mampan. Negara-negara membangun telah bersetuju untuk mengkaji hubungan antara perdagangan dan alam sekitar di bawah WTO. Pendek kata, musyawarah antara Utara dan Selatan yang memudahkan perlindungan alam sekitar secara berkesan dan membenarkan perdagangan menggerakkan pertumbuhan dan pekerjaan haruslah berlandaskan inisiatif-inisiatif yang telah dimulakan di bawah Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar (United Nations Conference on Environmental Development-UNCED).

Dasar Sosial

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, pertalian antara dasar perdagangan dan pekerja dan taraf sosial semakin rancak diperdebatkan, di mana terdapat perhatian utama semasa rundingan NAFTA dan percubaan untuk memasukkan peruntukan sosial dalam penyelesaian muktamad perjanjian Pusingan Uruguay. Satu aspek pembicaraan ini berkaitan dengan kesesuaian instrumen dasar perdagangan sebagai cara menghasilkan kemajuan dalam taraf sosial dan buruh.

Satu lagi aspek berkaitan dengan kesan perbezaan piawaian buruh ke atas pertandingan antarabangsa. Terdapat pandangan bahawa isu perdagangan dan pekerja lebih sesuai dibicarakan di forum lain seperti GATT dan WTO, sementara terdapat pendapat juga bahawa pendekatan ini akan disalahguna untuk meningkatkan sekatan perdagangan atau sebagai cara mengelakkan perubahan struktur yang diperlukan.

Negara-negara membangun kluatir bahawa pengucapan-pengucapan simpati berhubung dengan objektif sosial pada hakikatnya bertujuan mendirikan sekatan import ke atas produk yang berkepentingan kepada negara-negara membangun. Penerimaan hak asasi manusia dan piawaian minima sosial berbeza-beza di antara sistem politik dan sosial yang berlainan. Pertalian antara dasar sosial dan perdagangan tidak semestinya sesuatu yang baik untuk sistem perdagangan bebas, kerana sekatan yang diakibatkan dari pendekatan yang melulu sebenarnya berlawanan dengan aliran mengintegrasikan negara-negara membangun dalam sistem perdagangan berbilang hala.

Rundingan-rundingan perdagangan baru

Sejak tiga tahun kebelakangan ini, belatarbelakangan aktiviti ekonomi yang lembap, perbincangan mengenai dasar perdagangan dan perindustrian semakin mendapat perhatian. Pokok pembicaraan tertumpu kepada persoalan sama ada pendekatan yang berorientasi luaran yang mampan boleh dicapai melalui liberalisasi perdagangan tanpa insentif atau ia memerlukan dasar-dasar perdagangan yang tertentu serta sokongan aktif oleh kerajaan kepada perindustrian yang mana hak ini semakin dicabar di dalam rundingan-rundingan antarabangsa perdagangan berbilang hala. Adalah diperhatikan bahawa agenda rundingan serantau dan antarabangsa telah beralih dari rundingan mengenai soal barangan ke rundingan persoalan dasar.

Trend ini dapat diperhatikan dengan jelasnya di mana negara-negara maju memperalatkan rundingan-rundingan perdagangan untuk memaksa pemakaian oleh negara-negara membangun terma model penggubalan dasar yang telah ditetapkan. Bagi negara-negara membangun, rundingan perdagangan masa hadapan akan melibatkan perkara-perkara yang menyekat kebebasan menggubal dasar, di samping prasyarat atau tawaran layanan sama rata bagi membaiki pasaran, atau jika mereka hendak memohon pengecualian daripada peraturan-peraturan antarabangsa.

IV. Pemilihan Dasar

Semakin jelaslah bahawa inisiatif-inisiatif perlu diambil untuk menangani isu-isu perdagangan tahun-tahun 1990-an. Negara-negara membangun telah menunjukkan semangat dan usaha bekerjasama selama tujuh setengah tahun proses rundingan Pusingan Uruguay berlangsung. Dalam proses itu, pengalaman dan kepakaran telah dibina di kalangan dan di antara kumpulan-kumpulan negara membangun dalam banyak isu berkaitan dengan perdagangan. Satu cara bagi memupuk pemahaman isu-isu dalam rundingan-rundingan masa depan ialah melalui dialog yang sistematik dan berkala di antara institusi-institusi seperti UNCTAD, Kumpulan 77 dan Kumpulan 15.

Negara-negara membangun secara berasingan tidak mempunyai kuasa tawar-menawar, tetapi sebagai satu kumpulan, mereka mungkin boleh memperolehi konsesi yang bermakna bagi

liberalisasi yang telah dan akan dilakukan. Pembentukan kumpulan-kumpulan yang fleksibel antara negara membangun bagi merangkumi kepentingan-kepentingan tertentu patut dipertimbangkan. Hubungan yang lebih erat antara kumpulan-kumpulan negara membangun itu boleh menjadi cara yang berkesan bagi menguruskan isu-isu baru dalam rundingan-rundingan perdagangan akan datang.

Proses-proses formal dan bukan formal adalah juga berguna untuk memperincikan pendirian mengenai agenda pasca Pusingan Uruguay, bagi mengelakkan situasi-situasi sebelum ini di mana perkara-perkara yang menjadi kepentingan kepada negara-negara membangun telah tidak diambil kira kerana perdebatan yang lama di kalangan mereka. Terdapat anggapan bahawa negara-negara Asia Timur mempunyai kedudukan yang baik untuk memulakan inisiatif dalam forum serantau dan antarabangsa yang relevan. Peningkatan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Asia Timur telah memberi insentif yang bertambah kepada negara-negara ini untuk mempermudah akses kepada pasaran satu sama lain. Dengan menyokong sistem berbilang hala yang mendokong kejayaan ekonomi mereka, Asia Timur boleh memainkan peranan utama dalam membentuk agenda yang selanjutnya bagi rundingan antara-bangsa.

V. Penutup

Adalah diperhatikan bahawa dalam tempoh 1980-90, langkah-langkah untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan nasional tidak semestinya berlawanan dengan trend liberalisasi keseluruhannya dan tekanan-tekanan supaya diselaraskan dengan kerangka berbilang hala. Disebabkan pergantungan yang semakin erat antara satu dengan lain, segala keputusan dasar ekonomi dan perdagangan yang diambil sama ada oleh negara maju atau negara membangun kadangkala boleh menimbulkan pertelingkahan. Walau bagaimanapun, kerjasama, kesepakatan dan musyawarah antara negara membangun dan maju adalah penting dalam rundingan perdagangan akan datang bukan sahaja untuk memastikan kepatuhan kepada suasana antarabangsa yang telah diperbaiki berikutan penyelesaian Rundingan Pusingan Uruguay, tetapi untuk memperkukuh dan membina di atas kejayaan-kejayaannya.

Penerimaan Akta Terakhir dan Perjanjian untuk menubuhkan WTO di peringkat politik tidak bermakna bahawa perselisihan perdagangan telah berkurangan. Perhubungan perdagangan antara Kanada dan AS menjadi genting pada awal tahun 1994 disebabkan masalah pengimportan kayu kayan jenis "softwood", bijian dan subsidi, sementara terdapat perselisihan antara AS dan China berhubung dengan pembatalan status Layanan Negara Yang Diutamakan (Most-Favoured-Nation-MFN). Pertikaian perdagangan antara Jepun dan AS berpanjangan sehingga lewat 1994 merangkumi polisi perolehan Kerajaan Jepun bagi bekalan telekomunikasi dan perubatan, kereta, peralatan kereta, satelit dan perkhidmatan insurans. Perkembangan rundingan di bawah Rangka Kerja AS-Jepun untuk Perkongsian Baru Ekonomi diikuti dengan teliti oleh kesemua negara terutamanya berhubung tanda-tanda kualitatif dan kuantitatif yang digunakan untuk menentukan kemajuan pembukaan pasaran. Kebimbangan yang utama ialah penentuan sasaran pasaran, pengurusan pasaran serta ancaman tindakan sekatan perdagangan yang sehalu, sungguhpun AS telah memberi jaminan bahawa pencapaian di bawah Rangka Kerja tersebut akan dibuat secara MFN. AS dan China telah menandatangani Rangka Perjanjian Perdagangan pada bulan Ogos 1994 bertujuan mengembangkan pertalian perdagangan antara kedua-dua negara tersebut. Perjanjian tersebut dijangka mengeratkan usahasama perdagangan di antara kedua-dua negara tersebut dalam beberapa sektor penting termasuk bahan kimia, kuasa elektrik, pengangkutan udara, jentera dan perkhidmatan.

Di Eropah, perundingan untuk memperluaskan EU mencakupi Austria, Finland, Norway dan Sweden telah ditamatkan. Keempat-empat anggota Kawasan Perdagangan Bebas Eropah (European Free Trade Area-EFTA) itu dijangka menyertai EU pada tahun 1995 jika referenda di negara masing-masing meluluskan rancangan tersebut. EU juga membahaskan soal kemasukan negara-negara Eropah Timur. Hungary dan Poland telah mengemukakan permohonan untuk keanggotaan EU. Persoalan mengenai memperluaskan keanggotaan masih membebankan EU terutamanya mengenai isu-isu seperti sumbangan belanjawan, dasar pertanian dan pembiayaan perantauan. Sementara itu, negara-negara Eropah Tengah dan Timur sedang merundingkan perjanjian-perjanjian persatuan, perkongsian dan usahasama dengan EFTA; negara-negara Visegrad

(Hungary, Poland, Republik Czech dan Republik Slovak) telah berjaya mengadakan perjanjian perdagangan bebas di kalangan mereka, seperti juga negara-negara Baltik. Mengenai perundingan Kesatuan Kastam dengan Turki, EU telah mendesak negara itu supaya mempesatkan reformasi perundangannya. Negara tersebut dijangka menyertai Kesatuan Kastam itu pada 1 Januari 1996 dan ini bermakna Turki perlu menghapuskan sekatan-sekatan perdagangan dan menerima pakai tarif luaran EU.

NAFTA mulai berkuatkuasa pada awal tahun 1994 seperti yang dirancangkan di mana pada masa yang sama, negara-negara anggota telah membincangkan ura-ura penurunan tarif dengan kadar yang lebih cepat. Dalam 15 tahun yang akan datang, NAFTA akan menghapuskan sekatan perdagangan dan pelaburan di Amerika Utara. Ia juga akan menggalakkan reformasi dasar dalam negeri bertujuan mengeratkan perdagangan dan persaingan dalam suatu kawasan yang menandingi EU dari segi saiz ekonomi. Ketiga-tiga anggota NAFTA itu juga menyokong pengluasan perdagangan bebas untuk Utara dan Selatan Amerika tetapi terdapat beberapa persoalan cara mana NAFTA boleh dibesarkan dan negara yang dipilih untuk menikmati penyertaan awal NAFTA. Chile nampaknya negara calon yang sesuai.

Negara-negara ketiga pula bimbang tentang peraturan NAFTA mengenai kandungan domestik kerana ini boleh menjejaskan perdagangan negara-negara ahli dengan negara-negara pengeluar input kos rendah (bukan-NAFTA), satu faktor yang akan menyekatkan keupayaan anggota-anggota NAFTA meraih faedah daripada tarif NAFTA dan keutamaan bukan-tarif. Tambahan pula, kajian-kajian yang dijalankan mengenai kesan perdagangan NAFTA menunjukkan bahawa eksport Mexico dan Kanada ke AS dianggarkan meningkat sebanyak 11% dan 9%, tetapi eksport negara-negara ketiga ke AS dijangka merosot sebanyak 3%.

Sementara itu, di **Amerika Latin**, perkembangan ke arah perserantauan juga telah meningkat. "Southern Cone Common Market" (MERCOSUR) yang terdiri daripada Brazil, Argentina, Paraguay dan Uruguay telah bergerak dengan cepat untuk menjayakan Kesatuan Kastam yang dijangka mulai berkuatkuasa pada tahun 1995, walaupun masalah berkaitan beberapa barang yang layak untuk tarif luar umum (Common

External Tarif-CET) masih belum diselesaikan antara negara-negara tersebut. Satu lagi kumpulan yang telah mencapai kemajuan yang "besar terhadap penggunaan CET ialah "Andean Pact" yang terdiri daripada Bolivia, Colombia, Ecuador, Peru dan Venezuela. Pelaksanaan CET dijangka pada awal tahun 1995. Sementara itu, "Central American Common Market" atau CACM yang terdiri daripada Costa Rica, El Salvador, Guatemala, Honduras dan Nicaragua telah juga bersetuju mengenai tarif luar umum. Kumpulan-kumpulan yang lain seperti "Caribbean Common Market" atau CARICOM" juga menjadi lebih aktif, dengan penubuhan perjanjian dua hala yang baru. Ini adalah dalam bentuk perjanjian perdagangan bebas (Free Trade Area-FTA) dengan negara-negara yang telah menyertai keahlian dalam kumpulan-kumpulan lain. Antaranya termasuk perundingan tiga FTA: Colombia, Mexico dan Venezuela; CARICOM-Colombia FTA; dan CARICOM-Venezuela FTA.

Di **Asia Timur**, kemajuan terbaru termasuklah pertimbangan untuk memperluas kumpulan ASEAN (Association of South East Asian Nations) bagi membolehkan penyertaan Vietnam dan Kemboja dan peningkatan aktiviti di kalangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Asia Pacific Economic Cooperation-APEC) walaupun beberapa ahli tidak bersetuju dengan proses untuk menginstitusikan APEC yang pada asalnya bermatlamat sebagai sebuah forum longgar. Cadangan ASEAN untuk Perundingan Ekonomi Asia Timur atau EAEC (East Asia Economic Caucus) semakin dekat menjadi kenyataan apabila pegawai-pegawai ASEAN dan China, Korea dan Jepun bermesyuarat di Bangkok pada bulan Julai 1994 untuk membincangkan cadangan tersebut. Negara China, Korea dan Jepun dianggap sebagai bakal ahli kumpulan ini. Pada bulan Ogos, negara China telah menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan ASEAN untuk menenangkan kebimbangan negara-negara lain di Asia-Pasifik, terutamanya AS, mengenai penubuhan EAEC. Objektif Perundingan tersebut ialah untuk menggalakkan perdagangan bebas melalui perserantauan terbuka. Di kawasan lain di Asia, keputusan yang dicapai pada tahun 1992 untuk memajukan perantauan perdagangan istimewa bagi Persatuan Asia Selatan untuk Usahasama Perantauan (South Asia Association for Regional Cooperation-SAARC) yang terdiri daripada India, Bangladesh dan Sri Lanka, terus bergerak mengikut jadual yang dirancang. Rundingan menubuhkan SAARC-CEPT dijangka tamat sebelum tahun 1995.

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Perindustrian

Pertumbuhan Pengeluaran


Di kebanyakan negara perindustrian, momentum pertumbuhan ekonomi semakin teguh. Pemulihan bertambah mantap di AS, UK, Australia dan Kanada. Di negara-negara tersebut, pengembangan pertumbuhan dijangka berterusan sehingga membawa kepada prospek pengangguran yang lebih cerah. Pengeluaran bagi negara-negara perindustrian secara keseluruhan dijangka meningkat sebanyak 2.6% pada tahun 1994 berbanding dengan 1.2% yang dicapai pada tahun 1993. Di negara Jepun, pemulihan ekonomi bergantung kepada kekuatan permintaan dalam negeri yang disokong oleh pertambahan rangsangan fiskal serta kadar faedah yang terus rendah. Walaupun terdapat petunjuk-petunjuk terbaru yang menggalakkan, pertumbuhan pengeluaran di negara Jepun dijangka lemah disebabkan oleh kemerosotan eksport bersih secara berterusan akibat peningkatan nilai yen. Di benua Eropah, tanda-tanda menunjukkan bahawa permintaan dalam negeri telah pulih dengan sederhana dan pemulihan mungkin akan berlaku tidak lama lagi. Pertumbuhan pengeluaran dijangka berterusan sepanjang tahun 1994 dan pada tahun 1995 memandangkan pengurangan kadar simpanan oleh isi rumah dan peningkatan pelaburan perniagaan.

Ekonomi negara **AS** telah berkembang sejak suku kedua tahun 1991 dan pada pertengahan tahun 1994 telah hampir mencapai kapasiti sepenuh. Pertumbuhan **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** dijangka mencapai 3.7% pada tahun 1994 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 3.1% pada tahun 1993. Kekukuhan semasa ekonomi AS didorong oleh pelaburan tetap bukan-kediaman yang dijangka menjadi punca utama pertumbuhan permintaan di AS. Pertumbuhan permintaan teguh dalam komponen-komponen permintaan yang lebih sensitif kepada kadar faedah, seperti penggunaan barang-barang yang tahan lama, pelaburan untuk kelengkapan perumahan dan perniagaan, dijangka dapat mengimbangi pengurangan dalam perbelanjaan pertahanan. Kadar faedah jangka pendek yang rendah telah dapat menyumbang kepada suasana perniagaan dan pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih baik, sementara khidmat bayaran hutang dan pembiayaan semula cagaran diturunkan.

Dalam usaha untuk mencegah pertumbuhan ekonomi yang terlalu pesat dan untuk menekan kenaikan kadar inflasi, Lembaga Rizab Persekutuan telah menaikkan kadar diskaun sebanyak lima kali dalam tahun 1994. Paras kadar faedah sebanyak 4.75% dalam bulan Ogos merupakan paras yang tertinggi dalam tempoh 2 1/2 tahun.

Ekonomi negara **Jepun** nampaknya telah keluar daripada belenggu kemelesetan dan tanda-tanda menunjukkan bahawa pemulihan adalah lebih mantap. Walau bagaimanapun, peningkatan nilai yen sejak kebelakangan ini, kelembapan berterusan pelaburan perniagaan dan masalah-masalah yang masih wujud di sektor perbankan terus menghalang pemulihan ekonomi yang lebih kukuh. Bagi tahun 1994, KDNK dijangka berkembang pada kadar 0.9%, berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.1% yang dicapai pada tahun 1993. Pada awal tahun 1994, terdapat pertambahan aktiviti berikutan peningkatan pengeluaran perindustrian dan eksport, sementara pakej-pakej fiskal yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah berjaya mengeluarkan ekonomi Jepun daripada kemelesetan. Antara elemen-elemen dalam pakej perkembangan yang bernilai 3.2% daripada KDNK, termasuk beberapa langkah untuk meningkatkan perbelanjaan pelaburan awam dan mengurangkan cukai pendapatan. Dasar kewangan telah juga diubahsuai untuk membantu pemulihan dan kadar faedah telah diturunkan secara beransur-ansur daripada 4.5% pada bulan September 1991 kepada 1.75% pada bulan Ogos 1994. Pihak berkuasa negara Jepun telah juga memperkenalkan beberapa langkah untuk meliberalisasi ekonomi bagi menyokong penggunaan dalam negeri serta sebagai tindak balas terhadap tekanan AS supaya Jepun melonggarkan ekonominya untuk memperbaiki ketidakseimbangan perdagangan dengan AS. Walau bagaimanapun, perselisihan perdagangan antara negara Jepun dan AS telah bertambah genting sejak mulai tahun 1994 dan mengakibatkan turun naik yang besar dalam pasaran pertukaran wang asing. Peningkatan nilai yen yang berterusan sejak lewat tahun 1993 terus memberi kesan ketara terhadap keuntungan pengusaha-pengusaha eksport, dan ini telah melembapkan keyakinan peniaga-peniaga. Walaupun terdapat tanda-tanda yang bercampur-campur ini, asas pemulihan ekonomi negara Jepun adalah lebih luas pada kali ini berbanding dengan pemulihan yang berlaku pada tahun 1993. Pada kali ini terdapat ubahsuai stok yang lebih dan inventori dan industri-industri telah berjaya dalam usaha menyesuaikan perniagaan mereka kepada nilai yen yang lebih tinggi.

Carta 3.1
Negara-Negara Perindustrian -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna

Sumber :IMF World Economic Outlook , September 1994
dan laporan - laporan lain

Di negara **Jerman**, tanda-tanda menunjukkan bahawa pemulihan telah bermula secara beransur-ansur didorong terutamanya oleh peningkatan eksport serta kedudukan imbalan akaun semasa yang bertambah baik. KDNK benar dijangka mencapai kadar 1.7% dalam tahun 1994. Di Jerman timur, di mana pertumbuhan agak teguh, pengeluaran dijangka berkembang sebanyak 6% sementara di Jerman barat di mana pemulihan adalah perlahan dan pengangguran terus meningkat, pengeluaran dianggarkan sebanyak 2%. Dengan kemunculan kebanyakan negara Eropah daripada kemelesetan, permintaan luar akan juga merangsangkan pemulihan ekonomi negara Jerman. Eksport barang-barang telah mendorong pemulihan sementara penggunaan swasta menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi dijangka akan bertambah baik menjelang akhir tahun 1994. Pelaburan perniagaan yang mengalami kesan negatif akibat kemelesetan telah bertambah selaras dengan pemulihan ekonomi. Penurunan selanjutnya kadar-kadar

faedah utama oleh Bundesbank akan merangsangkan pelaburan dalam negeri. Penswastaan Deutsche Telekom dan penurunan cukai korporat dijangka memperbaiki suasana perniagaan dan menggalakkan aliran masuk modal jangka panjang.

Jadual 3.1

**Negara-Negara Perindustrian Terpilih-
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama
(1991-1995)**

	<i>Negara- Negara Perin- dustrian</i>	<i>Amerika Syarikat</i>	<i>Jepun</i>	<i>Republik Perse- kutuan Jerman</i>	<i>United Kingdom</i>
Pertumbuhan KDNK Benar (%)					
<i>Tahun</i>					
1991	0.6	-0.6	4.3	1.5	-2.2
1992	1.5	2.3	1.1	2.1	-0.5
1993	1.2	3.1	0.1	-1.2	2.0
1994 ^a	2.6	3.7	0.9	1.7	3.1
1995 ^u	2.7	2.5	2.5	2.6	3.0
Inflasi¹ (%)					
<i>Tahun</i>					
1991	4.5	4.2	3.3	4.6	6.8
1992	3.3	3.0	1.7	4.9	4.7
1993	2.9	3.0	1.3	4.7	3.0
1994 ^a	2.4	2.7	0.7	3.1	2.6
1995 ^u	2.7	3.4	0.8	2.2	3.1
Pengangguran (%)					
<i>Tahun</i>					
1991	7.0	6.7	2.1	6.7	8.1
1992	7.7	7.4	2.2	7.7	9.8
1993	8.1	6.8	2.5	8.9	10.3
1994 ^a	8.3	6.3	3.0	9.9	9.5
1995 ^u	8.1	6.3	3.1	9.9	9.1
Sumbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)					
<i>Tahun</i>					
1991	-30.5	-6.9	72.9	-19.4	-13.5
1992	-41.2	-67.9	117.6	-22.0	-18.6
1993	17.2	-103.9	131.4	-21.3	-16.3
1994 ^a	14.6	-149.6	130.3	-11.6	-15.3
1995 ^u	1.0	-171.3	121.6	-6.7	-19.4

¹ Harga pengguna

^a anggaran

^u unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1994 dan sumber-sumber rasmi.

Pemulihan ekonomi di negara **UK** terus kukuh dan KDNK dijangka mencapai 3.1% pada tahun 1994 (1993: 2%) di mana penggunaan swasta yang dipimpin oleh penggunaan barang tahan lama terus memberangsangkan. Pinjaman bagi penggunaan dijangka meningkat disebabkan oleh penurunan ketara kadar-kadar faedah yang mula dikurangkan sejak lewat tahun 1990. Pelaburan perniagaan telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan disebabkan penggunaan kapasiti yang terus meningkat. Kemerosotan besar nilai nominal sterling telah meningkatkan daya saingan eksport Britain yang merupakan jentera utama pemulihan ekonomi.

Inflasi

Negara-negara perindustrian dijangka mengalami kadar inflasi yang stabil selaras dengan pemulihan ekonomi yang perlahan di kebanyakan negara tersebut. Dengan berlatarbelakangkan pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan dan kapasiti yang semakin berkurangan, inflasi dijangka sebanyak 2.4% pada tahun 1994 (1993: 2.9%). Di **AS**, penurunan harga minyak pada tahun 1993 menyumbangkan kepada penurunan harga secara umum. Walau bagaimanapun, oleh kerana ekonomi AS hampir mencapai kapasiti penuh, inflasi mungkin merupakan satu masalah sekiranya pertumbuhan pengeluaran melebihi potensi pertumbuhan. Tindakan Lembaga Rizab Antarabangsa AS untuk mengetatkan keadaan kewangan melalui peningkatan kadar diskaun dan kadar dana wilayah dijangka menyekat kelancaran aktiviti dan mengekal pertumbuhan mampan tanpa inflasi. Peningkatan selanjutnya dalam kadar-kadar faedah rasmi dijangka mengurangkan ekonomi yang terlalu pesat. Oleh yang demikian, kadar inflasi dijangka lebih kurang 2.7%.

Negara **Jepun** dijangka mengalami tekanan inflasi yang lemah (1994: 0.7%) disebabkan kekukuhan nilai yen dan harga minyak yang rendah serta permintaan dalam negeri yang masih lesu. Di negara **Jerman**, Bundesbank berjaya memerangi inflasi secara berterusan melalui dasar kewangan yang ketat. Kadar inflasi telah bertambah baik daripada hampir 5% pada tahun 1993 kepada 3.1% dalam tahun 1994. Di negara **UK**, walaupun terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa tekanan-tekanan inflasi makin kukuh, pengumuman rancangan penyatuan fiskal jangka masa sederhana pada tahun 1993 telah dapat mengurangkan kadar inflasi. Pada tahun 1994, kadar inflasi dijangka sebanyak 2.6% (1993:3%).

Pengangguran


Di sebalik pemulihan ekonomi di negara-negara perindustrian, satu permasalahan utama merupakan kadar pengangguran struktur yang tinggi, terutamanya di Eropah. Secara keseluruhannya, pengangguran di negara-negara perindustrian dijangka mencapai kadar yang tertinggi pada tahun 1994 iaitu 8.3% daripada guna tenaga dengan lebih daripada 35 juta orang penganggur. Kadar pengangguran di negara Perancis adalah tertinggi sekali dan dianggarkan mencapai 12.6%. Di **AS**, kadar pengangguran dijangka menurun kepada 6.3% disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang memuaskan tetapi sehingga kini tekanan upah terus sederhana. Pengwujudan jawatan kosong di **AS** kebanyakannya berlaku di sektor swasta di mana pelaburan telah bertambah selaras dengan potensi pertumbuhan permintaan. Negara **Jepun** pada amnya dapat mengekalkan paras pengangguran pada kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara perindustrian yang lain disebabkan oleh pasaran buruh yang dapat menyesuaikan kepada perubahan struktur. Walau bagaimanapun, kewujudan keadaan permintaan yang lemah dijangka meningkatkan kadar guna tenaga tidak penuh kerana terdapat guna tenaga simpanan dan pengunduran kaum wanita daripada pasaran buruh. Pengangguran dijangka mencapai kadar 3%.

Di negara **Jerman** barat, kadar pengangguran terus meningkat oleh kerana secara relatif permintaan dalam negeri masih lemah sementara di Jerman timur, dengan pemulihan aktiviti ekonomi, pasaran buruh mulai stabil dan pengangguran terus berkurangan. Pada tahun 1994, kadar pengangguran untuk kedua-dua bahagian Jerman dijangka mencapai 9.9%. Kadar guna tenaga bagi **UK** mulai meningkat dengan sederhana terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan guna tenaga separuh masa. Walau bagaimanapun, kadar guna tenaga penuh masa hampir tidak mengalami perubahan dan mencerminkan tindakan sektor perkilangan dan pembinaan untuk mengurangkan saiz dan kos pengeluaran. Kadar pengangguran dijangka sebanyak 9.5% pada tahun 1994.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Imbangan dagangan **AS** dijangka mencatatkan defisit yang tinggi iaitu AS\$149.6 bilion

Carta 3.2
Arah Aliran Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 1993 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

3/ Kadar purata hasil atas bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan Julai 1994.

5/ Akhir tempoh kecuali 1994, sehingga pertengahan bulan September.

Sources : IMF World Economic Outlook, September 1994.
dan laporan-laporan lain.

daripada defisit sebanyak AS\$103.9 bilion pada tahun 1993 disebabkan oleh kekukuhan berterusan permintaan dalam negeri serta kelemahan nilai dolar berbanding yen dan deutschemark. Kekukuhan pelaburan dan penggunaan di AS dijangka mendorong kenaikan import sementara pertumbuhan eksport dijangka kukuh selaras dengan kekukuhan ekonomi rakan-rakan perdagangan utama AS.

Negara **Jepun** dijangka mencatatkan lebih imbalan akaun semasa yang makin meningkat walaupun terdapat kemerosotan dalam eksport disebabkan oleh peningkatan nilai yen dan pelaburan swasta yang lembap. Eksport yang berasaskan dolar AS meningkat lebih cepat daripada import, walaupun 'import terbalik' (import barang-barang siap yang dipasang di kilang kepunyaan Jepun di luar negeri) mencatatkan pertumbuhan yang kukuh. Lebih dagangan dijangka mencapai AS\$130.3 bilion (1993: AS\$131.4 bilion) disebabkan oleh peningkatan nilai yen. Dalam jangka masa pendek, keadaan ini mungkin akan mengeruhkan lagi hubungan perdagangan dua hala antara AS dan Jepun.

Eksport negara **Jerman** pada tahun 1994 dijangka tumbuh sebanyak 1.4% memandangkan ekonomi dunia bertambah baik, permintaan eksport yang lebih kukuh di kalangan negara Eropah, terutamanya, untuk barang-barang modal serta juga permintaan yang terus mampan dari Asia. Ini adalah ternyata daripada peningkatan eksport barang niaga dalam separuh pertama tahun 1994. Oleh yang demikian, defisit akaun semasa dijangka bertambah baik iaitu sebanyak AS\$11.6 bilion. Di negara **UK**, defisit imbalan pembayaran dijangka berkurangan lagi kepada AS\$15.3 bilion (1993: AS\$16.3 bilion) kerana pemulihan di benua Eropah dijangka merangsangkan permintaan luar yang akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Pertumbuhan eksport AS dan Eropah dalam tahun 1994 dijangka kukuh terutamanya ke negara-negara di luar Eropah iaitu kawasan-kawasan bukan OECD. Ini dicerminkan dalam unjuran defisit akaun semasa di Asia dan Amerika Latin untuk tahun 1994. Defisit Amerika Latin dijangka berkembang daripada AS\$9 bilion pada tahun 1990 kepada AS\$75 bilion yang dianggarkan untuk tahun 1994. Eropah dijangka menerima sebahagian besar faedah daripada perkembangan ini.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Membangun

Pertumbuhan Pengeluaran

Negara-negara membangun secara kumpulan dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan pada tahun 1994, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan tahun 1993, iaitu pertumbuhan KDNK sebanyak 5.7% (1993: 6.1%). Kesederhanaan pertumbuhan pada tahun 1994 adalah disebabkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangka menjadi perlahan di China, Amerika Latin dan Timur Tengah. Faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ini termasuk faedah-faedah yang diraih oleh negara-negara yang telah meneruskan usaha-usaha pengubahsuaian dan kestabilan, kadar-kadar faedah yang rendah ke atas hutang berasaskan dolar AS, peningkatan aliran modal, dan pengembangan perdagangan serantau. **Asia** dijangka dapat mempertahankan kedudukannya sebagai pusat pertumbuhan ekonomi bagi kumpulan negara-negara membangun, dengan mencapai pertumbuhan pengeluaran sebanyak 8% (1993: 8.5%).

Asia Selatan masih terbelenggu oleh masalah-masalah imbalan pembayaran, fiskal dan juga infrastruktur asas yang lemah. Namun begitu, pertumbuhan KDNK agregat dijangka meningkat 5% pada tahun 1994 (1993: 3.8%), dan hampir kesemua negara dalam rantau ini dijangka menikmati pertumbuhan yang lebih menggalakkan, terutamanya India yang mungkin dapat menarik pelaburan dan meningkatkan jumlah eksport. Kebanyakan negara di rantau ini telah melaksanakan rancangan-rancangan pengubahsuaian menyeluruh yang merangkumi semua sektor ekonomi mereka, dan ini telah mula menghasilkan peningkatan kemasukan modal asing.

Prestasi ekonomi **Amerika Latin** terus menunjukkan corak yang berbeza-beza, dan pertumbuhan agregat dianggarkan menjadi perlahan pada tahun 1994, iaitu sebanyak 2.8%, berbanding dengan 3.3% pada tahun 1993. Ekonomi-ekonomi Chile dan Mexico dianggarkan menunjukkan prestasi ekonomi yang baik bagi keseluruhan tahun 1994, dengan pertumbuhan sebanyak 4.5% bagi Chile dan 2.5% bagi Mexico. Pengesahan NAFTA oleh Mexico yang

Jadual 3.2

Negara-negara Membangun: Pengeluaran, Inflasi Dan
Imbangan Akaun Semasa

	1993			1994 ^a			1995 ^u		
	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan akaun semasa ²	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan akaun semasa ²	KDNK benar (%)	Inflasi ¹ (%)	Imbangan akaun semasa ²
Negara-negara membangun	6.1	46.1	-105.7	5.7	47.3	-102.1	5.7	12.8	-94.4
Mengikut rantau:									
Afrika	1.0	32.5	-7.4	3.3	39.3	-10.0	4.5	14.0	-7.7
Asia	8.5	9.7	-24.6	8.0	10.3	-22.9	7.3	7.0	-17.6
Amerika Latin	3.3	235.8	-45.8	2.8	243.9	-47.0	3.2	28.0	-49.2
Timur Tengah	4.8	24.7	-28.0	2.0	26.7	-22.1	3.2	14.6	-19.9

¹ Harga-harga pengguna - purata diwajarkan.

² AS\$ bilion.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1994.

menambahkan keyakinan terhadap negara tersebut dijangka membantu menarik pelaburan swasta ke negara itu. Argentina juga dianggar mencatat pertumbuhan pengeluaran yang melebihi jangkaan sebanyak 6% pada tahun 1994, dibantu oleh peningkatan permintaan dalam negeri, terutamanya pelaburan swasta. Sebaliknya, Brazil masih menghadapi masalah untuk mencapai kestabilan makroekonomi dan dijangka mengalami pertumbuhan ekonomi sebanyak 2.8% setelah mencatat pertumbuhan sebanyak 5% pada tahun 1993. Venezuela pula dijangka mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 3.7% akibat harga minyak yang menurun dan juga keruntuhan mata wangnya yang menjejaskan perdagangan.

Ekonomi rantau **Timur Tengah** dijangka berkembang sebanyak 2% berbanding dengan 4.8% pada tahun 1993 kerana berkurangnya kesan dari kepesatan sementara aktiviti ekonomi yang telah dihasilkan daripada pembangunan semula selepas perang Teluk. Kejatuhan harga minyak dunia juga telah mengurangkan hasil dan perbelanjaan kerajaan negara-negara pengeksport minyak di rantau tersebut.

Afrika terus mengalami masalah-masalah yang serius, terutamanya rantau sub-Sahara di mana pertambahan bilangan penduduk masih mengatasi pertumbuhan pengeluaran, dan keadaan ekonomi yang melarat masih wujud. KNK dijangka berkembang hanya antara 2% dan 3% dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, prospek di negara-negara lain di benua ini semakin menggalakkan, kerana dibantu oleh harga-harga komoditi yang lebih teguh dan bertambahnya usaha-usaha reformasi ekonomi. Negara-negara Maghribi dan Tunisia di Afrika Utara terutamanya, telah mula menikmati aktiviti ekonomi yang bertambah giat sejak berakhirnya kemarau di rantau tersebut pada tahun 1993.

Inflasi

Pada keseluruhannya, keadaan **inflasi** di negara-negara membangun telah bertambah pulih, tetapi median inflasi dianggar meningkat sedikit kepada 9.3% pada tahun 1994, daripada 7.1% pada tahun 1993. Di Asia, inflasi dijangka meningkat kepada 10.3% sahaja sekiranya China

berjaya melaksanakan dasar-dasar kestabilannya untuk membendung inflasi. Ekonomi-ekonomi dinamik Asia juga perlu membendung inflasi, walaupun masalah ini kurang meruncing dalam ekonomi-ekonomi tersebut berbanding dengan China. Negara-negara Asia lain di mana inflasi dijangka mendatangkan masalah termasuk Iran di mana kesusutan nilai mata wangnya telah membawa kepada pengubahsuaian harga dan peningkatan inflasi. Negara-negara Communaute Financiere Africaine (CFA) di Afrika juga menghadapi masalah inflasi. Di Amerika Latin, Brazil terutamanya telah lama menderita akibat inflasi melampau dan inflasi akan terus berada di tahap yang tinggi sehingga usaha-usaha penstabilan mendatangkan kesan positif. Venezuela merupakan sebuah lagi negara di mana kelonggaran dasar-dasar kewangan telah mengakibatkan peningkatan harga-harga dalam negeri. Sebaliknya, Argentina telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam usaha-usahnya memerangi inflasi melampau. Inflasi melampau sebanyak 3000% yang dicatat pada tahun 1989 diramalkan dapat dibendung kepada 2.7% pada tahun 1994 hasil pelonggaran kawalan ke atas ekonomi serta pembukaan pasaran yang berupa sebahagian daripada usaha reformasi ekonomi.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran


Jumlah **defisit akaun semasa** negara-negara membangun dijangka berkurangan sedikit daripada AS\$105.7 bilion pada tahun 1993 kepada AS\$102.1 bilion pada tahun 1994. Di Asia, defisit yang besar sejak beberapa tahun kebelakangan adalah kerana berlakunya pertambahan import hasil daripada pelaburan dan kemasukan modal. Amerika Latin juga telah menarik kemasukan pelaburan asing dengan banyak dan ini telah meningkatkan kemampuannya untuk mengimport. Walaupun begitu, ia telah mengakibatkan bertambahnya defisit akaun semasa. Di Afrika di mana ekonomi kebanyakan negara masih berasaskan komoditi, kenaikan harga komoditi baru-baru ini akan menyumbang kepada bertambahnya pendapatan dari eksport.

Pertumbuhan **perdagangan** negara-negara membangun dijangka lebih tinggi pada tahun 1994, dengan kadar pertumbuhan eksport dan import meningkat antara 9% hingga 10% iaitu di tahap yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan purata dunia sebanyak 6% atau 7%. Perdagangan

ekonomi-ekonomi Asia Timur diramal mencapai kadar pertumbuhan yang lebih pesat berbanding dengan kadar negara-negara membangun yang lain disebabkan prestasi ekonomi yang semakin baik di negara-negara perindustrian dan perkembangan ekonomi yang mampan di rantau itu sendiri. Prestasi eksport negara China dijangka tidak dapat menandingi prestasi cemerlang yang dicapai dalam tempoh tahun-tahun 1991 hingga 1993 bilamana kadar pertumbuhan purata ialah 18% hingga 20%. China mungkin akan mengalami defisit perdagangan sebanyak AS\$9.7 bilion bagi tahun 1994.

Sementara itu, ada kemungkinan negara-negara Amerika Latin pada keseluruhannya mengimport pada kadar yang lebih rendah pada tahun 1994 berbanding dalam tempoh tahun-tahun 1991 dan 1992. Ini adalah berikutan usaha-usaha mengurangkan penggunaan berlebihan. Walaupun demikian, dalam masa yang sama pengimportan barangan modal diteruskan bagi tujuan mengukuhkan sektor eksport pada masa hadapan.

Carta 3.3
Negara - Negara Membangun -
Petunjuk - Petunjuk Ekonomi Utama



Ekonomi-ekonomi Asia Timur

Pertumbuhan Pengeluaran

Ekonomi China dijangka terus berkembang dengan pesat pada tahun 1994 walaupun Kerajaan negara itu meneruskan usaha-usaha membendung pertumbuhan yang tidak dapat dipertahankan. Prestasi yang mantap itu diterajui oleh sektor perindustrian yang cergas dan pasaran hartanah dan runcit yang berkembang pesat, yang mana merangsangkan lagi perkembangan ekonomi di rantau Asia Timur. Ekonomi China diramalkan berkembang sebanyak 10.5% pada tahun 1994 (1993: 13.4%), iaitu suatu kadar yang mengagumkan berbanding dengan kadar pencapaian dunia pada masa ini. Kerajaan China telah memperkenalkan beberapa langkah untuk membendung pertumbuhan ke tahap yang lebih mampan, iaitu melalui kenaikan cukai, mengurangkan subsidi kepada syarikat-syarikat kerajaan, memansuhkan dwi kadar pertukaran (dual exchange rates) serta memperkenalkan undang-undang korporat yang baru sebagai sebahagian daripada program besar reformasi kewangan dan fiskal yang bertujuan memperbaiki sistem kewangan, mengurangkan ketidakseimbangan di antara wilayah, dan menambahkan hasil.

Pada tahun 1993, Hong Kong, Singapura, Korea Selatan dan Taiwan ataupun yang dikenali sebagai Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru (NIE) telah mula mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih teguh setelah mengalami pertumbuhan yang agak perlahan sejak tahun 1987. Antara faktor-faktor yang membantu pertumbuhan yang memberangsangkan itu ialah pertumbuhan permintaan yang mantap, termasuk daripada China, tanda-tanda pemulihan ekonomi yang lebih positif di negara-negara perindustrian utama yang juga merupakan rakan dagangan utama negara-negara NIE; dan peningkatan daya saingan yang ketara hasil kenaikan nilai mata wang yen, terutamanya bagi Korea Selatan dan Taiwan. Pertumbuhan ekonomi dijangka berterusan dalam suasana ekonomi dunia yang bertambah baik. Kadar eksport negara-negara NIE dijangka bertambah baik berasaskan andaian kadar pertukaran yang menguntungkan negara-negara tersebut.

KDNK Taiwan dianggar berkembang 5.9% pada tahun 1994 (1993: 6.1%), diterajui oleh eksport, penggunaan swasta dan pelaburan swasta.

Pelaburan sektor swasta diramal bertambah sebanyak 14% atau 15%, kerana dibantu oleh prestasi ekonomi dunia yang kian bertambah baik, kesusutan nilai dolar baru Taiwan dan juga dasar-dasar fiskal Kerajaan yang semakin berkembang. Di Korea Selatan, eksport dan pelaburan dijangka menerajui pertumbuhan sebanyak 7.2% yang diramalkan bagi tahun 1994 (1993: 5.5%). Peningkatan ketara perbelanjaan pelaburan adalah disebabkan keuntungan yang lebih tinggi, penggunaan keupayaan yang meningkat dan belanjawan yang menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi Hong Kong pada tahun 1994 dijangka rendah sedikit iaitu 5% kerana pertumbuhan ekonomi China yang juga menjadi perlahan berbanding prestasi pada tahun 1993, akan memberi kesan ke atas ekonomi Hong Kong. Pada tahun 1993, China telah menyumbang kepada 35% perdagangan luar pulau tersebut.

Inflasi

Inflasi merupakan risiko yang utama mengancam ekonomi-ekonomi Asia Timur. Di China, pihak berkuasa negara itu telah cuba mengawal pelaburan bukan-infrastruktur yang diharap dapat membendung tekanan inflasi akibat permintaan. Namun begitu, China dijangka menghadapi masalah dalam usahanya mengawal inflasi yang dianggar berada pada sekitar 18% dan 19%, iaitu jauh melebihi sasaran Kerajaan sebanyak 10%. Di Korea Selatan pula, prospek pertumbuhan mencapai hampir ke tahap potensinya bersama dengan kadar penggunaan kapasiti yang tinggi serta kekurangan keluaran pertanian dijangka mengakibatkan kenaikan kadar inflasi kepada 6.3% pada tahun 1994 (1993: 4.8%). Kenaikan sewa dan upah yang tinggi di Hong Kong akan menyebabkan peningkatan inflasi pada kadar 9.5% bagi tahun 1994, berbanding dengan 8.5% bagi tahun 1993. Satu lagi faktor yang menyebabkan kenaikan harga di Hong Kong ialah inflasi yang diimport dari China. Taiwan juga dijangka mengalami kenaikan kadar inflasi kepada 3.8% (1993: 2.9%), berpunca daripada kenaikan kos unit buruh dalam sebuah ekonomi yang sedang mengalami penggunaan guna tenaga penuh.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Jumlah eksport China telah meningkat dalam tempoh suku pertama tahun 1994, tetapi ini tidak dijangka berterusan sepanjang tahun kerana daya saingan akan terhakis oleh kadar inflasi yang

tinggi. Tambahan pula, pembangunan negara China pada tahap yang pesat akan terus menarik perhatian pembuat barangan di negara itu kepada pasaran tempatan dan bukan pasaran eksport. Sementara itu, import dijangka terus berkembang untuk memenuhi permintaan pelaburan. Defisit akaun semasa China dianggarkan menurun kepada AS\$3.8 bilion pada tahun 1994 (1993:-AS\$11.9 bilion), dibantu oleh pertumbuhan kukuh eksport barangan. Korea Selatan dijangka mencatat defisit akaun semasa sebanyak AS\$1.9 bilion pada tahun 1994 kerana kadar import terutama barangan modal dianggarkan melebihi eksport. Sebaliknya, Hong Kong dijangka mencatat defisit perdagangan ketara yang lebih kecil sebanyak AS\$2.2 bilion pada tahun 1994 (1993:-AS\$3.4 bilion), disebabkan kedudukan kadar syarat perdagangan pulau itu yang bertambah baik. Lebihan perdagangan Taiwan telah bertambah kecil dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, tetapi jumlah eksport dan import dijangka bertambah dalam tempoh separuh

kedua disebabkan peningkatan pelaburan swasta dan pengurangan tarif hasil rundingan dua hala dan berbilang hala dengan negara-negara anggota GATT. Dengan demikian, bagi seluruh tahun 1994 akaun semasa Taiwan dianggarkan berkurangan sedikit tetapi masih berada di tahap yang positif sebanyak AS\$4.2 bilion, berbanding dengan lebihan sebanyak AS\$5.8 bilion pada tahun 1993.

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Pertumbuhan Pengeluaran

Pada tahun 1994, ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka mencapai **pertumbuhan KDNK benar** purata diwajar sebanyak 7.4% berbanding dengan perkembangan sebanyak 6.9% pada tahun 1993. Pertumbuhan keluaran benar yang menggalakkan ini, yang lebih baik daripada kadar pertumbuhan negara-negara perindustrian utama dan tiga NIE (tidak termasuk Singapura), akan mengekalkan ASEAN sebagai rantau yang mengalami kadar pertumbuhan yang paling tinggi di dunia. Perdagangan serantau yang terus berkembang dengan pesat, kemasukan pelaburan, keadaan ekonomi dunia yang semakin baik serta kadar faedah seluruh dunia yang lebih rendah pada keseluruhannya adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar pertumbuhan tinggi negara-negara ASEAN. Tambahan pula, permintaan dalam negeri kukuh yang berpunca daripada peningkatan penggunaan swasta dan pertambahan perbelanjaan untuk infrastruktur juga membantu pertumbuhan. Peningkatan kerjasama ekonomi di kalangan anggota ASEAN, terutamanya usaha-usaha untuk mencapai objektif-objektif AFTA dan juga penggalakan pembangunan kawasan-kawasan pertumbuhan seperti Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Singapura-Johor-Riau (SIJORI), Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), dijangka membantu mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi seperti dicapai pada tahun 1993.

Malaysia, Singapura dan Thailand dijangka dapat mengekalkan **pertumbuhan KDNK** di antara 8% dan 10% manakala Brunei Darussalam (Brunei) dijangka menunjukkan prestasi ekonomi yang bertambah baik, dengan kemerosotan keluaran benar sebanyak 2% (1993: -4.1%). Pertumbuhan KDNK di Filipina dianggarkan meningkat kepada 4.2% daripada 1.7% pada tahun 1993 dibantu oleh

Jadual 3.3

Asia Timur*: Keluaran Dalam Negeri Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

	1993	1994 ^a	1995 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
China ¹	13.4	10.5	8.0
Hong Kong	5.5	5.0	4.0
Korea Selatan	5.5	7.2	6.9
Taiwan	6.1	5.9	6.4
Kadar Inflasi (%)			
China ²	19.6	25.0	9.0
Hong Kong	8.5	9.5	8.0
Korea Selatan	4.8	6.3	5.3
Taiwan	2.9	3.8	4.1
Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)			
China	-11.9	-3.8	-4.6
Hong Kong ³	-3.4	-2.2	2.6
Korea Selatan	0.4	-1.9	0.1
Taiwan	5.8	4.2	5.4

* Merangkumi Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru (tidak termasuk Singapura) serta Republik Rakyat China (China).

¹ KNK.

² Kawasan bandar.

³ Imbangan perdagangan ketara (AS\$bilion).

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: Laporan Negara Economist Intelligence Unit dan sumber negara.

peningkatan kemampuan membekalkan tenaga elektrik yang menyumbang kepada peningkatan keluaran perindustrian, eksport, perbelanjaan pengguna dan pelaburan tetap. Cukai nilai ditambah ke atas barangan dan perkhidmatan telah membantu pelaksanaan dasar ekonomi jangka sederhana Filipina secara positif dan mendapat persetujuan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) memberi pinjaman tiga tahun sebanyak AS\$634 juta. Ini akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Filipina. Indonesia dijangka mengekalkan pertumbuhan keluaran benar sebanyak 6.5% pada tahun 1994, disebabkan pertumbuhan eksport yang bertahan dalam suasana ekonomi dunia yang bertambah baik, serta perbelanjaan awam yang tinggi untuk mengurangkan batasan-batasan infrastruktur.

Pertumbuhan KDNK benar di Thailand dianggarkan sebanyak 8.1% pada tahun 1994, berbanding dengan 7.7% pada tahun 1993. Peningkatan pelaburan dalam sektor-sektor pembinaan dan hartanah yang dibantu oleh kuasa beli yang mantap di sektor swasta merupakan faktor-faktor utama menerajui pertumbuhan KDNK Thailand. Bagi sektor luar negeri pula, kenaikan jumlah eksport perkilangan dan modal asing menyumbang kepada pertumbuhan pesat. Harapan tahun 1994 bagi Singapura nampaknya baik dengan pertumbuhan KDNK dijangka menjangkau 9% atau 10%, iaitu kadar yang paling tinggi di rantau ASEAN. Pasaran-pasaran eksport utama Singapura dianggarkan dapat mengekalkan prestasi pertumbuhan ataupun pulih dari kemelesetan, manakala ekonomi-ekonomi di rantau ASEAN masih meningkat maju. Selain prestasi kukuh eksport-eksport barang perkilangan, terutamanya komponen elektronik dan peralatan komputer, pertumbuhan ekonomi Singapura akan berpunca daripada perkembangan pelaburan dan pertumbuhan pesat penggunaan swasta. Malaysia dijangka mengekalkan pertumbuhan keluaran yang kukuh sebanyak 8.5% pada tahun 1994, tetapi masalah-masalah infrastruktur dan tekanan inflasi yang telah bermula semula perlu diatasi bagi mengekalkan pertumbuhan yang mampan dalam jangka sederhana.

Inflasi

Menerusi dasar-dasar fiskal dan kewangan anggota-anggota ASEAN telah agak berjaya bagi mengawal inflasi. Pada tahun 1994, kadar inflasi di kalangan ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka meningkat sedikit dengan kadar inflasi purata diwajar pada tahap 6.2%, berbanding dengan 6.1%

pada tahun 1993. Namun demikian, Indonesia dan Filipina dijangka mencatat kadar inflasi yang mengatasi kadar purata bagi negara-negara ASEAN. Indonesia yang masih mengalami inflasi pada kadar 8%, mungkin perlu mengetatkan semula dasar kewangannya. Ekonomi Filipina yang semakin pulih akan mengalami kenaikan inflasi disebabkan peningkatan harga-harga bahan api dan elektrik serta permintaan yang lebih kukuh. Kadar inflasi bagi tahun 1994 dijangka meningkat kepada 10%, iaitu lebih tinggi daripada ramalan Kerajaan Filipina sebanyak 8.9% (1993: 7.6%). Di Malaysia, kawalan-kawalan kewangan dan fiskal dijangka terus membendung tekanan permintaan pengguna walaupun penggunaan agregat dan penggunaan dalam negeri dijangka meningkat pada tahun 1994. Kadar inflasi di Malaysia dianggarkan meningkat sedikit kepada 3.8% pada tahun 1994, berbanding dengan 3.6% pada tahun 1993. Inflasi di Singapura juga dijangka meningkat daripada 2.4% pada tahun 1993 kepada 4.7% pada tahun 1994, terutamanya disebabkan peningkatan harga-harga makanan dan juga perumahan, pengangkutan dan komunikasi dengan pengenaan cukai sebanyak 3% ke atas barangan dan perkhidmatan sejak bulan April 1994. Di Thailand, inflasi dianggarkan meningkat sebanyak 4.1% pada tahun 1994, berbanding peningkatan 3.3% pada tahun 1993. Ini berlaku sungguhpun Kerajaan Thailand berusaha mengawal kenaikan upah dan kenaikan nilai mata wang baht.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka terus mencatat **defisit akaun semasa**, dan jumlah defisit bagi anggota-anggota ASEAN dianggarkan sebanyak AS\$16 bilion pada tahun 1994 (1993: -AS\$11.2 bilion). Walaupun prestasi eksport masih menggalakkan, tahap pengimportan barang-barang yang kebanyakannya terdiri daripada barang-barang perantaraan dan barang-barang modal bagi sektor perkilangan di Thailand, Filipina dan Indonesia, dijangka menambahkan defisit akaun semasa pada masa hadapan. Hutang luar Indonesia yang kini berjumlah AS\$89 bilion juga memberi tekanan ke atas imbangan pembayaran negara tersebut. Bagi Malaysia, akaun semasanya dianggarkan menunjukkan defisit disebabkan pendapatan pelaburan yang dibawa ke luar negara, serta tambang pengangkutan dan bayaran insurans yang besar. Singapura merupakan satu-satu anggota ASEAN yang dijangka terus mencatat lebihan akaun semasa, iaitu AS\$2.5 bilion bagi tahun 1994.

Jadual 3.4

ASEAN: Keluaran Dalam Negeri Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

	1993	1994 ^a	1995 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (%)			
ASEAN	6.9	7.4	7.0
Brunei	-4.1	-2.0	-0.5
Indonesia	6.5	6.5	6.4
Malaysia	8.3	8.5	8.5
Filipina	1.7	4.2	5.4
Singapura	9.9	10.0	6.8
Thailand	7.7	8.1	8.2
Kadar Inflasi (%)			
ASEAN ¹	6.1	6.2	6.0
Brunei	4.3	4.5	5.0
Indonesia	9.7	8.0	7.1
Malaysia	3.6	3.8	—
Filipina	7.6	10.0	10.0
Singapura	2.4	4.7	3.5
Thailand	3.3	4.1	3.8
Imbangan Akaun Semasa (AS\$b)			
ASEAN	-11.2	-16.0	-16.6
Brunei	1.4	—	—
Indonesia	-3.4	-3.7	-3.6
Malaysia	-2.4	-4.5	-4.8
Filipina	-3.3	-2.0	-2.5
Singapura	3.3	2.5	3.0
Thailand	-6.8	-8.3	-8.7

¹ Anggaran, diwujudkan berdasarkan bahagian relatif KDNK tahun 1988-1990.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

* Disasarkan di bawah paras tahun 1994.

Sumber: ASEAN Macroeconomic Outlook 1994, IMF International Financial Statistics and ADB Asian Development Outlook 1994.

Pelaburan Asing

Kemasukan pelaburan asing ke dalam ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka bertambah pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 11% (1993: 3.1%), walaupun setelah mengambilkira kekurangan modal di seluruh dunia dan saingan hebat daripada negara-negara pengeluar yang berkos rendah seperti China dan Vietnam. Jumlah pelaburan yang diluluskan di Malaysia telah meningkat dengan ketara sebanyak 148% dalam tempoh separuh pertama

tahun 1994, manakala Thailand telah mencatatkan kemasukan pelaburan asing yang bertambah sebanyak 50% dalam jumlah projek pelaburan yang dicadangkan dalam tempoh yang sama. Komitmen pelaburan asing dalam sektor perkilangan di Singapura telah meningkat sebanyak 16% kepada AS\$1.3 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun 1994, manakala pelaburan asing yang diluluskan di Indonesia telah meningkat sebanyak 9.4% kepada AS\$5.3 bilion dalam tempoh yang sama setelah dua pakej pelonggaran peraturan diperkenalkan pada bulan Jun dan Oktober 1993. Kedua-dua pakej tersebut telah diwujudkan bagi mengatasi kekurangan kemasukan pelaburan asing ke Indonesia. Filipina yang mula berjaya mengatasi masalah kekurangan bekalan tenaga elektrik dijangka dapat menarik pelaburan asing dengan lebih banyak pada tahun 1994. Brunei pula telah mula memberi perhatian yang lebih serius kepada usaha menarik pelaburan asing dengan mengkaji semula insentif-insentif serta menyediakan iklim yang lebih sesuai bagi industri-industri.

Pada masa yang sama, beberapa negara ASEAN, terutamanya Malaysia, Indonesia dan Singapura telah meneruskan dasar melabur di luar negeri, iaitu meneroka pasaran-pasaran baru dan negara-negara di mana kos pengeluaran lebih rendah seperti China dan Vietnam. Singapura, selaras dengan dasarnya untuk menjadikan Republik itu sebuah pusat teknologi tinggi, telah berubah menjadi pemodal teroka dan membiayai firma-firma yang membuat pengkhususan dalam bidang telekomunikasi dan teknologi komputer di Lembah Silicon di Amerika Syarikat.

Kerjasama Ekonomi

Penubuhan kawasan pertumbuhan segi tiga telah memberi dorongan tambahan kepada peningkatan perdagangan di rantau ASEAN dalam jangka masa sederhana. Dalam jangka masa panjang, AFTA diharap dapat menyumbang kepada keperluan saling melengkapi di kalangan ekonomi anggota ASEAN. Pada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang ke-26 yang telah diadakan di Chiangmai, Thailand pada 22-23 September 1994, Menteri-menteri telah bersetuju memasukkan pertanian di bawah rundingan AFTA, dan hak harta benda intelektual dan perkhidmatan di bawah sfera kerjasama ekonomi dalam sektor bukan-barangan. Menteri-menteri tersebut telah juga

bersetuju melaksanakan AFTA lebih cepat lagi, iaitu pada 1 Januari 2003. Dalam suasana yang bertambah baik di pasaran-pasaran tradisional seperti AS, Jepun dan Kesatuan Eropah, serta tamatnya Pusingan Uruguay pada bulan April 1994, ASEAN dijangka meraih manfaat daripada pertumbuhan perdagangan dunia yang kian bertambah. Penghapusan halangan-halangan perdagangan akan membawa kepada pembahagian sumber-sumber dengan lebih cekap di rantau ASEAN yang mana akan menjadikan ASEAN lebih produktif dan berdaya saing di pasaran dunia, serta lebih menarik kepada pelabur-pelabur asing.

Prospek Bagi Tahun 1995

Negara-Negara Perindustrian

Pemulihan di **negara-negara perindustrian** akan lebih meluas tetapi sederhana. Pertumbuhan pengeluaran untuk negara-negara perindustrian sebagai satu kumpulan diramalkan sebanyak 2.7% pada tahun 1995. Di negara AS, pemulihan adalah diramalkan kukuh tetapi di negara Jepun, walaupun ekonomi telah mula ke arah pemulihan, risiko utama masih merupakan peningkatan nilai yen. Di Eropah, di mana pemulihan dijangka didorong terutamanya oleh eksport bersih, pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka pada kadar yang sederhana dan dianggap tidak mencukupi untuk mengurangkan kadar pengangguran sehingga lewat tahun 1995. Walau bagaimanapun, penggunaan mungkin meningkat sedikit dengan pengurangan simpanan isi rumah. Pada masa yang sama, pelaburan perniagaan dijangka meningkat bukan sahaja di Eropah tetapi juga di AS dan Jepun. Masalah inflasi tidak dianggap sebagai satu ancaman oleh kerana kadar faedah jangka panjang diramalkan meningkat lagi.

Dengan dasar kewangan yang ketat untuk menyekang perkembangan yang pesat, pertumbuhan KDNK di **AS** dijangka diperlahankan kepada 2.5%. Inflasi terus merupakan satu masalah hasil dari kepesatan aktiviti ekonomi dan pemulihan harga-harga komoditi. Dengan pengurangan pengangguran yang akan menghasilkan peningkatan permintaan, tekanan ke atas paras harga dijangka berlaku. Suasana pelaburan dan permintaan penggunaan dijangka perlahan selaras dengan peningkatan dalam kadar faedah jangka panjang. Defisit akaun semasa

dianggarkan lebih besar iaitu sebanyak AS\$171.3 bilion sekiranya kadar pertukaran benar dan defisit fiskal kekal pada paras tahun 1994.

Di negara **Jepun**, walaupun terdapat tanda-tanda dasar yang bercampur-campur daripada Kerajaan dan nilai yen yang kukuh, pemulihan ekonomi dalam separuh kedua tahun 1994 dijangka berterusan dan menjadi lebih teguh pada tahun 1995. Permintaan terpendam akibat kemelesetan selama dua tahun dan peningkatan pendapatan boleh guna hasil daripada pemotongan cukai, dijangka meningkatkan penggunaan, iaitu jentera utama pertumbuhan. Pelaburan awam diramal menyumbang kepada pemulihan yang lebih stabil pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, jika nilai yen terus mengekalkan arah aliran meningkat, pemulihan ekonomi yang masih tidak menentu pada tahun 1994 akan terjejas. Pertumbuhan KDNK untuk tahun 1995 diramalkan bertambah baik kepada 2.5%, iaitu pertumbuhan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 1994. Kadar pengangguran diramalkan tidak berubah dengan ketara dan akan terus berada pada paras 3%. Jurang pengeluaran yang besar dalam ekonomi dijangka menyekatkan kadar inflasi pada paras 0.8% sementara lebihan akaun semasa dijangka berkurangan kepada AS\$121.6 bilion. Stok pelaburan langsung kilang di negara-negara Asia yang makin meningkat akan menolong mengurangkan lebihan akaun semasa melalui import terbalik. Sebaliknya, faktor-faktor kadar pertukaran dan ekonomi Jepun yang makin berkembang diramalkan menggalakkan industri-industri kereta dan elektronik menempatkan sebahagian besar daripada pengeluaran mereka di luar negeri.

Untuk tahun 1995, pemulihan ekonomi negara **Jerman**, yang bermula pada separuh kedua tahun 1994 diramalkan bertambah cepat sehingga mencapai 2.7% disebabkan terutamanya oleh pemulihan permintaan dalam negeri dan pasaran eksport yang meningkat. Penggunaan kapasiti dijangka meningkat dan ini akan menambah pelaburan tetap. Dengan kapasiti berlebihan yang terkumpul, pengangguran akan berterusan tetapi keadaannya akan bertambah baik menjelang pertengahan tahun 1995. Walaupun demikian, pengangguran yang didaftar dianggarkan pada 9.9%. Dengan pasaran buruh yang lembap dan pertumbuhan upah kekal pada paras yang sederhana, prospek inflasi dijangka bertambah baik pada tahun 1995 (2.2%).

Di **UK**, pertumbuhan diramalkan sebanyak 3% dengan peningkatan berterusan guna tenaga dan pengukuhan keyakinan pengguna. Pelaburan swasta yang disokong oleh permintaan dalam negeri dijangka menyumbangkan kepada pertumbuhan **UK**. Tekanan harga dijangka timbul sekali lagi memandangkan bahawa pemulihan makin meningkat. Walau bagaimanapun, untuk menyekang kadar inflasi, Kerajaan **UK** dijangka meningkatkan kadar faedah sebanyak sekurang-kurangnya 1% dan dengan ini mengurangkan kadar inflasi kepada 3.1% pada tahun 1995. Keadaan pasaran buruh makin teguh dan langkah reformasi penawaran yang diambil oleh Kerajaan **UK** dalam tempoh 15 tahun kebelakangan telah membuat pasaran buruh lebih lentur dan responsif. Ini dapat mengurangkan kadar pengangguran.

Negara-negara Membangun

Negara-negara membangun secara kumpulan dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan untuk mencapai keluaran sebanyak 5.7% pada tahun 1995, walaupun ketidakseimbangan antara rantau-rantau mungkin akan berterusan. Pertumbuhan akan berpunca dari eksport kerana pasaran-pasaran negara barat kian bertambah diterokai oleh negara-negara di rantau Eropah Tengah dan Timur. Suasana antarabangsa juga dijangka bertambah menguntungkan kepada negara-negara Amerika Selatan dan Amerika Tengah. Ini terutamanya disebabkan kenaikan harga-harga barangan, seperti kopi dan kuprum, pasaran-pasaran eksport yang cergas, dan juga usaha-usaha memperbaiki keadaan-keadaan penawaran sejak beberapa tahun kebelakangan yang kian mendatangkan lebih banyak manfaat kepada sektor eksport.

Kadar-kadar pertumbuhan dalam ekonomi-ekonomi Asia Timur diramal meningkat lagi sehingga hampir 8%. Pertumbuhan pasaran eksport, pelaburan sektor-sektor awam dan swasta, pertumbuhan pelaburan asing dan juga perdagangan serantau menjadi punca-punca utama menggerakkan pertumbuhan pada tahun 1995. Pertumbuhan pengeluaran China dijangka terus menjadi perlahan kepada 8% pada tahun 1995 disebabkan usaha-usaha Kerajaannya untuk mengawal inflasi menunjukkan kesannya. Kadar inflasi China mungkin menurun kepada 15%. Ekonomi-ekonomi NIE diramal mencatat prestasi pertumbuhan yang stabil pada tahun 1995.

Pertumbuhan **KDNK Hong Kong** diramal berkembang pada kadar yang rendah sedikit iaitu sebanyak 4% pada tahun 1995 dalam suasana di mana penggunaan swasta menjadi stabil, dan pertumbuhan ekonomi China yang semakin perlahan terus memberi kesan ke atas ekonomi pulau itu. Inflasi diramal meningkat sehingga 8%. Ekonomi Taiwan diramal berkembang 6.4%, disebabkan kesan pertumbuhan perdagangan dunia yang lebih kukuh, dan inflasi diramal meningkat, sebanyak 4.1% disebabkan pengguna-pengguna berbelanja lebih kerana pendapatan mereka diramal meningkat. Pertumbuhan ekonomi Korea Selatan diramal pada kadar yang perlahan sedikit, iaitu 6.9%, disebabkan kadar pengimportan yang mengatasi kadar pertumbuhan eksport dan pelaburan modal. Kadar inflasi diramal sebanyak 5.3%, dibantu oleh dasar kewangan yang ketat dan juga kenaikan nilai mata wang won.

Anggota-anggota **ASEAN** secara keseluruhannya diramal mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% pada tahun 1995, berpunca daripada pemulihan negara-negara rakan perdagangan utama yang bertambah meyakinkan, serta peningkatan pelaburan dan perdagangan serantau. Ekonomi Brunei diramal menguncup sebanyak 0.5% berasaskan andaian bahawa harga minyak di pasaran dunia tidak banyak berubah. Ini diramal berlaku walaupun Kerajaan dan sektor swasta Brunei berusaha mempelbagaikan ekonomi negara tersebut memandangkan keperluan mencari sumber-sumber pendapatan yang lain dalam suasana di mana hasil dari minyak semakin berkurangan, sementara perbelanjaan semakin meningkat. Kadar inflasi diramal sebanyak 5%. Keadaan Indonesia bergantung kepada suasana ekonomi dunia yang akan menentukan kedudukan ekonominya. Dengan prestasi ekonomi dunia diramalkan lebih baik pada 1995 eksport dijangka menjadi punca utama pertumbuhan. Berlandaskan usaha-usaha menstabilkan makroekonominya berjaya, inflasi dijangka menurun kepada 7%.

Berasaskan jangkaan-jangkaan bahawa kestabilan politik dan petunjuk-petunjuk makroekonomi bertambah baik, serta pembekalan tenaga elektrik tidak terjejas, ekonomi Filipina diramal berkembang sebanyak 5.4% pada tahun 1995, dengan diterajui oleh pelaburan. Permintaan yang lebih kukuh mungkin mengakibatkan kadar inflasi masih tinggi pada 10%. Singapura meramalkan ekonominya menjadi perlahan pada tahun 1995, dengan pertumbuhan hanya sebanyak

6.8% memandangkan tahap eksport semasa tidak mungkin dapat dikekalkan. Inflasi diramal dapat dikawal pada kadar 3.5%. Perkembangan ekonomi Thailand pada tahun 1995 diramal terus diterajui oleh pelaburan dalam sektor-sektor pembinaan dan hartanah. Kekurangan tenaga kerja dijangka masih menjadi cabaran kepada pertumbuhan pesat. Kadar inflasi sebanyak 3.8% tidak dijangka menjadi masalah besar kepada negara Thailand.

Ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka menggiatkan lagi usaha-usaha meningkatkan kerjasama ekonomi melalui skim-skim bersepadu serantau atau lebih dikenali sebagai 'kawasan-kawasan pertumbuhan'. Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga yang pertama sekali ditubuhkan di rantau Asia Tenggara ialah SIJORI. Kawasan pertumbuhan tersebut telah mendapat sokongan yang kuat, terutamanya dari sektor swasta Singapura yang mempunyai usahawan yang sudah sedia meluaskan aktiviti-aktiviti ekonomi mereka untuk meliputi rantau di luar pulau Singapura.

Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dijangka menyegerakan pertumbuhan ekonomi di rantau ASEAN. Bank Pembangunan Asia (ADB) telah mengenalpasti projek-projek bagi meningkatkan kerjasama di kawasan pertumbuhan tersebut yang merangkumi empat negeri di bahagian utara Semenanjung Malaysia, lima wilayah di Selatan Thailand dan dua wilayah di Sumatra Utara. Di samping kemungkinan menempatkan semula industri berorientasikan buruh di rantau ini, kawasan segi tiga tersebut akan menghasilkan kerjasama dalam bidang pembangunan infrastruktur fizikal dan pembangunan telekomunikasi serta pembangunan bersama dan perkongsian sumber air. Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga ini mempunyai banyak sumber dan potensi ekonomi yang belum digunakan sebaik-baiknya, dan pengurusan 'synergy' yang teratur dan sistematik akan memastikan potensi sepenuhnya digunakan sebagai satu lagi penggerak pertumbuhan di ASEAN. Ianya juga satu instrumen yang berkesan bagi meningkatkan kerjasama serantau ASEAN yang boleh mengagihkan semula pendapatan di rantau ini.

Salah sebuah lagi kawasan pertumbuhan yang dalam proses penubuhan ialah Kawasan Pertumbuhan ASEAN Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) yang meliputi kawasan-kawasan keempat-empat negara tersebut. Pada

mesyuarat peringkat Menteri-menteri yang pertama yang telah diadakan di Bandaraya Davao, Mindanao, Filipina pada tahun 1993, sepuluh sektor telah dikenalpasti bagi meningkatkan kerjasama. Setiap negara terlibat dipilih menjadi 'lead country' bagi dua atau tiga sektor, dan akan dipertanggungjawabkan mengenalpasti projek-projek untuk dilaksanakan bersama anggota-anggota terlibat.

Perdagangan Dunia

Perdagangan dunia dijangka meningkat dengan kadar pesat sebanyak 5.9% dalam tempoh 1994-1995, selaras dengan peningkatan KDNK di negara-negara perindustrian dan beberapa negara membangun yang tumbuh dengan cepat. Eksport negara-negara membangun di ramalkan meningkat 0.5 mata peratus melebihi paras purata dunia. Kadar pertumbuhan perdagangan dunia mungkin melebihi 6% selepas tahun 1995 dengan pemulihan aktiviti yang lebih kukuh di negara Jepun dan Eropah dan dengan penguatkuasaan perjanjian-perjanjian baru plurilateral dan Perjanjian UR.

Aliran Modal

Aliran modal ke negara-negara membangun telah berkembang pesat dalam tiga tahun kebelakangan ini dan keupayaan kebanyakan negara yang berjaya memantul daripada perubahan sederhana pada tahun 1992 memberi harapan tinggi bahawa aliran-aliran tersebut boleh dikekalkan. Walaupun terdapat pembetulan yang ketara pada awal tahun 1994 yang mencerminkan peningkatan kadar faedah dunia, pemulihan yang bermula dalam bulan Mei dan Jun menguatkan lagi tanggapan ini.

Namun demikian, dasar negara-negara tersebut untuk mengatasi kesan-kesan ketidakstabilan aliran modal yang besar, dan kemajuan suasana luar yang memberi kesan kepada negara-negara membangun, menentukan prospek aliran pelaburan asing langsung dalam tempoh 1994-95. Dalam tempoh ini, pelaburan asing langsung ke negara-negara membangun dijangka tumbuh sederhana di antara 8% hingga 10% setahun berbanding dengan peningkatan purata sebanyak 50% yang dapat dilihat pada 1991-93. Pada tempoh 1994-95, pelaburan asing langsung ke negara-negara

membangun diramal antara AS\$45 bilion dan AS\$50 bilion. Ini adalah kerana jumlah aliran keluar dari negara-negara perindustrian ke negara-negara membangun mungkin merosot selaras dengan kekukuhan keadaan ekonomi yang diramalkan untuk Eropah dan Jepun.

Isu-Isu Dalam Ekonomi Dunia

Walaupun prospek pertumbuhan jangka masa pendek untuk negara-negara perindustrian secara keseluruhannya telah bertambah baik, ramalan pertumbuhan sebanyak 2.7% untuk tahun-tahun akan datang dianggap rendah jika dibandingkan dengan arah aliran masa lampau. Namun demikian, terdapat beberapa faktor yang mengimbangi aliran tersebut yang dapat menyokong optimisme yang lebih tinggi dan negara-negara membangun boleh mengharapkan suasana ekonomi antarabangsa yang beransur baik. Pasaran eksport dijangka pulih dengan kadar inflasi yang rendah serta mampan di negara-negara perindustrian. Ini bermakna kadar faedah antarabangsa boleh dikekalkan pada paras sederhana sementara aliran modal swasta dianggarkan berterusan sungguhpun pada kadar yang lebih perlahan jika dibandingkan dengan kadar pada tempoh 1991-93. Pertumbuhan perdagangan dunia diramalkan meningkat memandangkan bahawa Perjanjian UR akan berkuatkuasa dan harga-harga komoditi dijangka mampan setelah mengalami kemerosotan selama satu dekad.

Beberapa negara membangun telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi dan perdagangan yang tinggi dalam tiga tahun yang pertama dekad 90-an walaupun negara-negara perindustrian utama mengalami kemelesetan dan perkembangan pengeluaran yang lembap. Ini telah menimbulkan pandangan bahawa pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian bukan lagi mendorong pertumbuhan di negara-negara membangun. Dengan dasar dalam negeri yang lebih baik, kebanyakan negara membangun telah berupaya mengukuhkan ekonomi dan meningkatkan daya tahan.

Dalam keadaan sekarang, kemungkinan berlakunya suasana ekonomi antarabangsa yang kurang memuaskan boleh berpunca daripada kegagalan dasar-dasar perdagangan, fiskal dan pasaran buruh di negara-negara perindustrian. Oleh yang demikian, negara-negara perindustrian

mesti menentukan bahawa perkembangan yang berkekalan melalui dasar-dasar makroekonomi seperti penyatuan fiskal, rancangan-rancangan mengurangkan defisit, reformasi pasaran buruh serta reformasi struktur yang lain diteruskan sebagai asas pertumbuhan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Di negara-negara yang pesat membangun, pelaksanaan teguh dasar-dasar kestabilan dan reformasi struktur akan memperkukuhkan lagi kejayaan mereka, sementara di negara-negara miskin dan negara-negara peralihan, pelaksanaan dasar-dasar yang wajar boleh memutas balik keadaan kemerosotan taraf hidup.

Walaupun perdagangan dunia dijangka bertambah baik, negara-negara membangun masih mengkhawatiri prospek perdagangan mereka. Dengan yang demikian, kemajuan dalam pembukaan pasaran di negara-negara maju, termasuklah bagi keluaran pertanian dan komoditi, merupakan faktor-faktor tambahan yang penting untuk prospek yang lebih baik bagi negara-negara membangun. Dengan rancangan perluasan EU dan juga NAFTA, dan kemungkinan pemusatan perdagangan dan pelaburan yang makin bertambah di persatuan-persatuan tersebut, terdapat unsur-unsur ketidaktentuan dalam prospek negara-negara membangun. Kedua-dua persatuan ini masih menyerap antara satu pertiga hingga separuh daripada eksport kebanyakan negara membangun, termasuk eksport daripada Asia Timur walaupun pergantungan ke atas negara-negara ini telah berkurangan.

Kemelesetan yang berpanjangan dan keadaan pengangguran yang tinggi di negara-negara perindustrian dalam tiga tahun yang lepas telah meningkatkan perlindungan terhadap import dan ini telah memberi kesan buruk terhadap eksport negara-negara membangun. Seperti yang dapat diperhatikan, semasa UR dirundingkan selama tujuh tahun, hubungan perdagangan diuruskan di bawah perjanjian dua hala. Pada masa yang sama, peraturan GATT diketepikan melalui 'grey area measures'. Ini mengakibatkan kehilangan peluang eksport negara-negara membangun. Tambahan pula, ancaman penggunaan langkah-langkah sehalu oleh negara-negara perdagangan utama telah menimbulkan keadaan tidak pasti di kalangan negara-negara membangun yang berorientasi perdagangan, termasuk negara-negara di rantau Asia Timur.

Dasar berkaitan perdagangan adalah penting untuk mengembalikan pertumbuhan dunia kerana prospek ekonomi dunia boleh terjejas sekiranya terdapat persengketaan perdagangan, terutamanya di kalangan negara-negara perdagangan utama. Pengesahan Perjanjian UR dengan segera, dan penyelesaian pertikaian perdagangan melalui WTO akan menggalakkan suasana perdagangan dunia yang lebih teratur dan telus.

Dasar-dasar yang mantap di beberapa negara membangun telah mewujudkan peluang pelaburan yang baik dan telah meningkatkan aliran masuk modal swasta. Aliran jangka panjang akan terus merupakan sumber penting bagi pembiayaan pelaburan swasta dan awam, tetapi aliran tersebut tidak menentu, dan kerap mencabar pengurusan dasar-dasar fiskal dan kewangan. Meskipun terdapat pembetulan ketara pada awal tahun 1994, terdapat optimisme bahawa aliran tersebut akan terus mampan. Jika trend pertumbuhan berterusan - dengan asas pertumbuhan 2.5% di negara-negara perindustrian dan antara 5% hingga 6% di negara-negara membangun - peratusan aliran masuk pelaburan asing langsung ke negara-negara membangun akan dipengaruhi oleh prospek

pertumbuhan di negara-negara tersebut. Tambahan pula, dasar yang sesuai di negara-negara penerima akan juga memberi insentif yang mencukupi untuk pelabur di negara-negara perindustrian mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka.

Pengekalan iklim pelaburan yang baik akan juga dipengaruhi oleh persaingan yang makin sengit ke atas modal dunia dan setakat mana aliran-aliran tersebut dipengaruhi oleh kadar-kadar faedah antarabangsa. Selain daripada penyesuaian dasar makroekonomi dan struktur untuk mengurangkan kesan ketidakpastian aliran, negara-negara membangun yang menerima aliran-aliran ini akan menghadapi tekanan untuk meliberalisasikan syarat-syarat pelaburan, termasuk menyediakan layanan tanpa diskriminasi terhadap pelabur-pelabur asing, menggunakan dasar persaingan dan juga menyeragamkan syarat-syarat pelaburan untuk meningkatkan aliran masuk pelaburan asing langsung. Tekanan-tekanan ini merupakan sebahagian daripada proses yang telahpun bermula di beberapa rancangan peserantauan, untuk meningkatkan kemampuan WTO membicarakan isu-isu yang berkaitan dengan persaingan.